# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATUK DR HAJI SAHARAN HAJI ANANG
BEKAS PENGARAH MARDI


OLEH:

NUR IZZAMUL IZYAN BINTI MUHAMMAD SHARIF 2012506219
WAN NUR NELLYSA WAN MD HALIM 2012311743


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATUK DR HAJI SAHARAN HAJI ANANG
BEKAS PENGARAH MARDI

OLEH:


| | |
|---|---|
| NUR IZZAMUL IZYAN BINTI MUHAMMAD SHARIF | 2012506219 |
| WAN NUR NELLYSA WAN MD HALIM | 2012311743 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# DATUK DR HAJI SAHARAN HAJI ANANG
# BEKAS PENGARAH MARDI

OLEH:


| | |
|---|---|
| NUR IZZAMUL IZYAN BINTI MUHAMMAD SHARIF | 2012506219 |
| WAN NUR NELLYSA WAN MD HALIM | 2012311743 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

# ISI

# KANDUNGAN

# Isi Kandungan

Penghargaan ....................................................................................i-ii
Isi Kandungan.................................................................................iii-iv
Abstrak...........................................................................................v-vi
Biodata Tokoh..............................................................................vii-viii
Pengenalan .....................................................................................ix-x
Transkrip.............................................................................................1
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh..............................................2-8
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh.........................9-13
Bahagian 3: Pengalaman Awal Kerjaya Tokoh........................14-51
Rujukan..............................................................................................52
Lampiran............................................................................................53
Log wawancara ..............................................................................54-57
Diari Kajian ........................................................................................ 58
Senarai Soalan ............................................................................. 59-65
Surat Perjanjian.................................................................................66
Gambar...............................................................................................67
Indeks...............................................................................................68-70

# Senarai Gambar Rajah

Figura 1 ............................................................................................ 67

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum, Bersyukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga kami menyiapkan projek sejarah lisan kami yang telah diusahakan selama ini. Projek temubual tokoh ini amat penting buat kami memandangkan projek ini merupakan sebahagian daripada kerja khusus subjek sejarah lisan.

Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu kami untuk kami menyiapkan projek sejarah lisan ini iaitu Datuk Dr Haji Saharan bin Haji Anang yang sudi meluangkan masa untuk di temubual untuk projek sejarah lisan ini.

Sekalung penghargaan untuk pensyarah subjek IMR 604 Sejarah Lisan kami, iaitu Puan NurulAnnisa binti Abdullah kerana memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Terima kasih juga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang projek sejarah lisan ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kami ucapkan kerana memberikan kami bantuan dari segi kewangan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek masing-masing.

Akhir sekali terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang projek kami dijalankan dan dibentangkan.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini mengandungi temubual bersama Datuk Dr Haji Saharan Bin Haji Anang iaitu bekas pengarah MARDI Malaysia mengenai kerjaya beliau sepanjang perhidmatan beliau berkhidmat di MARDI. Temubual ini di jalankan di bilik bacaan di rumah Datuk Dr Saharan bertempat di Sungai Kantan, Kajang, Selangor pada 2 Mei 2015 pada jam 9.45 pagi sehingga 11.30 pagi. Beliau merupakan tokoh dalam bidang pertanian yang sudah lama berkecimpung sejak di awal penubuhan MARDI daripada tahun 1971 sehingga 2005 iaitu selama 34 tahun. Temubual ini menumpukan mengenai kerjaya dan pengalaman serta sumbangan beliau semasa berkhidmat di MARDI.*

**Kata kunci:** *Datuk Dr Saharan, Ahli Lembaga Pengarah, MARDI, taman botani, kerjaya, pengalaman, sumbangan.*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Datuk Dr. Haji Saharan Haji Anang<br>PJN, DIMP, DPMP, JMN, KMN, FASc |
| Tarikh Lahir | : | 11 November 1947 |
| Alamat | : | No. 60 Lot 39451,<br>Jalan Melati 3,<br>Sungai Kantan,<br>43000 Kajang, Selangor |
| Email | : | datuksaharan@yahoo.com |
| Akademik | :<br>:<br>: | Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti<br>Malaya (1971)<br>Ijazah Sarjana Sains Pertanian, Universiti Ghent,<br>Belgium (1974)<br>Ph.D Sains Pertanian, Universiti London (1981) |
| Jawatan | :<br>: | Pengarah MARDI (2000 – 2005)<br>Timbalan Pengarah MARDI (1994 - 2000) |

# PENGENALAN

# Pengenalan

MARDI ialah sebuah badan berkanun yang diamanahkan untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang makanan dan pertanian dan industry asa tani. Usaha penyelidikan MARDi selama hamper 40 tahun itu telah membuahkan pelbagai hasil dan klon tanaman baru, baka ternakan dan kaedah pengurusannya. Teknlogi terkini telah dihasilkan dalam bidang pemprosesan makanan dan pengendalian lepas tuai bagi produk hotrikultur dan ternakan. Selain melaksanakan projek Penyelidikan dan Pembangunan secara kontrak, institut ini juga menyediakan khidmat teknikal dan pembangunan usahawan dalam bidang makanan, pertanian dan khidmat lain juga.

Petani dan usahawan yang menerima teknologi dari pihak MARDI telahpun berjaya menyumbang kepada kemajuan sektor makanan, pertanian dan industry asa tani negara. Sejajar dengan itu, telah membantu menguatkan sektor pertanian dan ekonomi negara. Salah seorang yang telah bersama dengan MARDI dan telah membantu membina MARDI adalah tokoh yang kami temubual iaitu bekas ketua pengarah MARDI, Datuk Dr Haji Saharan Haji Anang yang tidak asing lagi kehebatan beliau dalam bidang pertanian di negara ini.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nur Izzamul Izyan bt Muhamad Sharif dan Wan Nur Nellysa Wan Md Halim bersama Datuk Dr Saharan Haji Anang sebagai bekas Pengarah MARDI. Temubual ini dijalankan di kediaman beliau bertempat di Kajang pada 2 Mei 2015 pada pukul 10 pagi.

Petunjuk:

DSHA: Datuk Dr Saharan Haji Anang
NII: Nur Izzamul Izyan
WNS: Wan Nur Nellysa

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NII : **Assalamualaikum Datuk, sebagai permulaan untuk sesi temubual kita, apakah nama penuh datuk?**

DSHA : Nama penuh *tu* [itu] kalau nak letak datuk *tu* [itu], Datuk Dr Saharan bin Haji Anang.

NII : **Datuk ada haji?**

DSHA : Oh nak tambah haji, *okay* [baiklah] tambah haji.

**NII : Berapa usia Datuk sekarang ni?**

DSHA : *Enam puluh lapan* [68] tahun.

**NII : Tarikh lahir Datuk?**

DSHA : *Sebelas sebelas empat puluh tujuh* [11 November 1947]

**NII : Dimana Datuk dilahirkan?**

DSHA : -Parit *Tongah* [Tengah], Parit Buntar, Perak

**NII : Dimana Datuk dibesarkan?**

DSHA : Besar *ni* [ini] banyak tempat lah. Sampai umur- tingkatan 3, 16 tahun di parit buntar lah. Lepas *tu* [itu], selepas umur 16 tahun *tu* [itu], dua tempat di Tanjung Karang Selangor dan di Kuala Lumpur.

**NII : Apa hobi Datuk?**

DSHA : Hobi saya banyak tapi yang paling *dekat* [suka] pertanian, bercucuk tanam. Sekarang *ni* [ini] dah tambah lah *pasal* [sebab] masak lah jaga rumah lah. *Dah* [sudah] jadi hobi masak dan jaga rumah.

**NII : Apa cita-cita Datuk masa Datuk kecil?**

DSHA : Masa *kecik-kecik* [kecil] *takde* [tiada] cita-cita, pasal mak *bapak* [bapa] saya tak *reti* [pandai] menulis, tak sekolah *so* [jadi] mana ada cita-cita. Ikut *je* [sahaja] apa jadi. Duit pun tiada- Mak saya tiada duit bapa pun tiada duit. Saya tiada duit. Saya- *takde* [tiada] cita-cita masa *kecik* [kecil].

**NII : Apa nama ibu Datuk?**

DSHA : -Hajah Hamsah binti Halim.

**NII : Nama bapa Datuk?**

DSHA : Haji Anang bin Said.

**NII : Pekerjaan ibu *ngan* [dan] bapa Datuk?**

DSHA : Ibu bapa- tanam padi dan masak.

**NII : Tanam padi tu bapa lah ye?**

DSHA : Mak turun bendang- saya pun turun sawah padi juga tanam padi.

**NII : Bapa berasal dari mana?**

DSHA : Ibu bapa saya dari Sumatera- Jambi [Indonesia].

**NII : Bilangan adik beradik datuk?**

DSHA : Adik beradik saya tujuh.

**NII : Datuk yang ke berapa?**

DSHA : Satu, dua, tiga! (mengira di jari)

**NII : Dalam kalangan adik beradik Datuk, ada tak yang menceburi bidang yang sama dengan Datuk dalam pertanian *ni* [ini]?**

DSHA : Saya kata tadi *takde* [tiada] *sapa* [siapa]. Saya seorang *je* [sahaja] sekolah yang lain semua *takde* [tiada]. Semua tanam sawah padi.

**NII Sampai dewasa pun?**

DSHA : Sampai lah [sampai dewasa]. Semua *dah* [sudah] meninggal *dah* [sudah] pun- saya orang *kampong* [kampung]- orang tanam padi.

**NII : Apa nama isteri Datuk?**

DSHA : Datin Raja Puteh binti Raja Bah Tan

**NII : Ada keturunan raja ke?**

DSHA : *Haa haah* [iye] keturunan raja Selangor *ngan* [dengan] Perak.

**NII : Jadi isteri Datuk berasal dari?**

DSHA : Dia dari- Sungai Keli, Selangor lah.

**NII : Umur isteri Datuk?**

DSHA : *Enam puluh enam* [66].

**NII : Pekerjaan dia sebelum ni?**

DSHA : Tiada. Dia surirumah.

**NII : Berapa bilangan anak Datuk?**

DSHA : Empat [4].

**NII : Apa nama isteri Datuk?**

DSHA : Datin Raja Puteh binti Raja Bah Tan

**NII : Ada keturunan raja ke?**

DSHA : *Haa haah* [iye] keturunan raja Selangor *ngan* [dengan] Perak.

**NII : Jadi isteri Datuk berasal dari?**

DSHA : Dia dari- Sungai Keli, Selangor lah.

**NII : Umur isteri Datuk?**

DSHA : *Enam puluh enam* [66].

**NII : Pekerjaan dia sebelum ni?**

DSHA : *Takde* [Tiada]. Dia surirumah.

**NII : Berapa bilangan anak Datuk?**

DSHA : *Empat* [4].

**NII : Yang dah kahwin? Semua dah kahwin?**

DSHA : *Dua* [2].

**NII : Anak-anak Datuk ada yang sama bidang *ngan* [dengan] Datuk?**

DSHA : Saya *tak* [tidak] bagi. *So* [jadi] lain-lain. *Satu* [1] doktor, *satu* [1] *software engineer* [jurutera perisian], *satu* [1] *lawyer* [peguam], *satu* [1] lagi *finance* [kewangan], *satu* [1] lagi kat UiTM Segamat [Univeriti Teknologi Mara Segamat Johor].

**NII : Bagaimana Datuk membahagikan masa antara keluarga dengan kerjaya *masa* [semasa] Datuk bekerja dahulu?**

DSHA : Masa saya kerja dulu saya kerja *je* [sahaja] lah. *Pasal* [sebab] *orang rumah* [isteri] saya masih sihat. Jadi- dia jaga rumah, saya kerja *je* [sahaja] lah.

**NII : Apa aktiviti yang dilakukan jika Datuk ada masa terluang?**

DSHA : Dulu saya rasa, *satu* [1] berkebun yang lain-lain *tu* [itu], saya main *game* [permainan] badminton, semasa saya muda-muda dulu.

**NII : Adakah Datuk seorang bapa yang tegas pada anak-anak Datuk?**

DSHA : Saya rasa tak berapa tegas lah. Saya lebih— apa ni— biarlah dia. Bukan biar maknanya -nak kata tegas tu tak boleh lah, tapi nak katakan membiar tu tidaklah. Saya rasa saya antara tegas *ngan* [dengan] sederhana. Mana yang perlu tegas, tegaslah.

**NII : Adakah Datuk dari keluarga yang senang?**

DSHA : *Takde*! [Tiada!] Saya dari keluarga yang susah saya kata tadi. Saya pergi sekolah dulu *dua puluh* [20] sen *tiga puluh* [30] sen je. *Tu* [itu] pun hadiah masa saya masuk sekolah *tu* [itu], cikgu *tetiap* [setiap] hari bagi saya *tuk* [untuk] belanja sekolah *dua puluh* [20] sen ke *tiga puluh* [30] sen—

**NII : Cikgu bagi duit?**

DSHA : *Haa* [Iye]. Cikgu *tu* [itu] *dah* [sudah] meninggal kot- Jadi dia tanya, "kau ada duit?" "Mana ada duit." Kita orang kampung. Kadang ada duit kadang *takde* [tiada] duit. Bila masuk sekolah menengah, selalu jumpa [selalu jumpa cikgu]. Dia tanya "ada duit?" "mana ada duit" Kita orang kampung kan. Kalau tak musim padi, *takde* [tiada] lah duit.

Petunjuk:

DSHA: Datuk Dr Saharan Haji Anang
NII: Nur Izzamul Izyan
WNS: Wan Nur Nellysa

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

NII : ***Kat* [Dimana] Datuk bersekolah rendah?**

DSHA : Dalam tu ada (menunjuk resume). Tapi saya sekolah tahun *lima puluh empat* ['54], di Sekolah Melayu Megat Aris Bagan Tiang Perak–

NII : **Oh sebelum merdeka. Sekolah menengah?**

DSHA : Sekolah menengah Sekolah Alam Shah Kuala Lumpur dan sekolah Methodist Secondary School Parit Buntar. Ada *dua* [2] sekolah. Sampai [dari tingkatan satu sehingga] tingkatan *tiga* [3] di Parit Buntar, Methodist secondary school kita tumpang. Kemudian, saya masuk Alam Shah daripada tahun *enam puluh tiga* ['63] sampai tahun *enam puluh enam* ['66].

NII : **Apakah pencapaian tertinggi Datuk semasa sekolah?**

DSHA : Sekolah? Saya *main-main* [bermain] ada tapi *takde* [tiada] yang cemerlang dalam *sokan* [sukan]. Mungkin [sebab] dalam kelas biasanya saya akan dapat nombor *satu* [1].

NII : **Selepas tamat sekolah menengah, Datuk menyambung pengajian dimana?**

DSHA : Selepas itu, saya masuk Universiti Melaya.

NII : **Universiti Melaya? Apa *course* [kursus] nya?**

DSHA : *Bachelor of Agriculture* [Ijazah Sarjana Muda Pertanian].

NII : **Adakah Datuk aktif dalam bidang sukan semasa pengajian?**

DSHA : Saya *kat* [semasa] sekolah dulu ahli gimnastik. Ada gambar dalam album saya (membelek album). Tapi saya main macam-macam, saya main bola, saya main sepak takraw, saya main hoki, berlari. Tapi yang paling saya gemari gimnastik.

NII : **Apa subjek kegemaran Datuk semasa di pengajian?**

DSHA : Biologi.

NII : **Masa zaman universiti pula, apa pencapaian tertinggi Datuk?**

DSHA : Ijazah Pertanian lah masa universiti, ataupun masa *kat* [di]

luar negeri *PhD* [peringkat Doktor Falsafah] lah. *Pasal* [sebab] saya *under* [di bawah] Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Muda Pertanian, kemudian saya pergi ke luar *negeri* [Negara] di Belgium saya buat *Master* [peringkat Ijazah Sarjana] juga dalam *Agriculture* [pertanian], kemudian saya pergi ke universiti di London, saya buat yang berkaitan dengan pertanian juga la.

**NII : Apakah rahsia Datuk dalam bidang akademik sampai boleh mencapai tahap yang membanggakan tu?**

DSHA : Usaha dan sentiasa berusaha lah, kalau *tak* [tidak] tahu bertanya lah, kalau *tak* [tidak] belajar *kuat-kuat* [bersungguh-sungguh] la.

**NII : Masa Datuk melanjutkan pelajaran di pengajian tinggi tu, adakah Datuk menerima tajaan dari mana-mana pihak?**

DSHA : Memanglah saya *takde* [tiada] duit. Jadi semasa saya tingkatan *enam* [6], daripada kerajaan Malaysia, kemudian saya masuk universiti saya dapat dari *JPA* [Jabatan Perhidmatan Awam], kemudian sampai saya dapat *degree* [ijazah] lah, ijazah pertama. Kemudian di Belgium, biasiswa kerajaan Belgium, kemudian semasa buat *PhD* [peringkat Doktor Falsafah], daripada biasiswa *MARDI* [Institut

Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia].

**NII** : **Adakah Datuk pernah bekerja sambil belajar?**

DSHA : —*Takde* [tiada]. Macam saya- ambil cuti belajar *je* [sahaja] dulu. Setahun *dua* [2] tahun ambil *master* [peringkat Ijazah Sarjana], kemudian cuti belajar sekali *tiga* [3] tahun dekat England, tiga tahun buat *PhD* [peringkat Doktor Falsafah]. Jadi *takde* [tiada] lah bekerja. Cuti belajar *je* [sahaja] lah. Tapi masih ada dalam rekod bekerja- masih ada gaji lah.

**NII** : **Masa Datuk melanjutkan pelajaran dulu, ada tak Datuk kerap balik ke Malaysia?**

DSHA : Mana ada duit nak balik. Saya bawa *orang rumah* [isteri], duit pun tak cukup. Masa itu, elaun kami sikit *je* [sahaja]. Dulu tak macam sekarang, sekarang England *dua ratus* [200] pound lebih. Dulu *seratus lapan puluh* [180] pound, dengan *orang rumah* [isteri] tak bekerja, makan untuk anak seorang lagi.

**NII** : **Pada pendapat Datuk, situasi pembelajaran luar Negara dan dalam Negara sama ke?**

DSHA : Lain lah. Dalam Negara *ni* [ini] kebanyakkan di ajar ataupun apa kata orang di bagi, kita *tak* [tidak] banyak berusaha. *Kat*

[Di] luar negeri, saya buat *master* [peringkat Ijazah Sarjana] dan *PhD* [peringkat Doktor Falsafah], tak banyak *attend* [hadiri] kelas- semua buat sendiri. Di luar kebanyakkan dia mengalakkan kita usaha sendiri. Kelas sikit sangatlah. *Kalau tak sini* [seperti di sini], kelas *je* [sahaja] banyak. Sebab itu *bak* [seperti] kata orang, kat Malaysia sekarang ni *tak* [tidak] berapa *banyak* [ramai] boleh berfikir. Cikgu *tak* [tidak] *cakap* [ajar] *tak* [tidak] boleh berfikir.

**NII : Setelah tamat pengajian, adakah Datuk terus mula bekerja?**

DSHA : Saya balik lah- sambung balik kerja saya. *Pasal* [sebab] saya, cuti tanpa gaji. Saya masih dikira bekerja. [bunyi gegaran telefon] _ _ _ Saya *tak* [tidak] menganggur lah.

Petunjuk:

DSHA: Datuk Dr Saharan Haji Anang
NII: Nur Izzamul Izyan
WNS: Wan Nur Nellysa

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN AWAL PEKERJAAN

**WNS : Sekarang kita sambung dengan pengalaman kerja awal Datuk. Apa pekerjaan awal Datuk selepas tamat pengajian?**

DSHA : Saya tamat terus bekerja dengan- Jabatan Pertanian sekejap sebagai pegawai pertanian beberapa bulan *lepas* [selepas] *tu* [itu] saya masuk *MARDI* [Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia], terus jadi pegawai penyelidik di MARDI-- Dari tahun *tujuh puluh* satu ['71] awak boleh *refer* [rujuk] dekat situ yang saya bagi tu (menunjuk resume).

**WNS : Itu selepas tamat *Master* [peringkat Ijazah Sarjana] Datuk. Kalau selepas tamat sekolah, ada Datuk bekerja?**

DSHA : Tamat sekolah- selepas *form three* [tingkatan 3] *takde* [tiada]. Selepas *form enam* [tingkatan 6], *takde* [tiada]. Saya tanam padi dekat kampung. Sebelum masuk _ _ _ saya tanam padi dekat kampung. Tolong mak sebab arwah ayah *dah takde* [sudah tiada], *dah* [sudah] meninggal tahun *enam puluh tiga*

['63]. _ _ _ Masa tu semasa di Tanjung Karang, ada padi *kat* [di] situ. Saya orang sawah bukan orang bandar—

**WNS : Kiranya sebelum Datuk dapat pekerjaan tetap tu, memang Datuk *just* [cuma] tolong mak?**

DSHA : Haah yela.

**WNS : Adakah datuk pernah berkhidmat di luar Negara? Maksudnya bekerja di luar Negara.**

DSHA : *Duduk* [menetap di sana] *takde* [tiada]. Tapi terlibat dengan projek luar Negara banyak.

**WNS : Apakah pekerjaan Datuk sebelum Datuk berkhidmat di *MARDI* [Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia]?**

DSHA : *Takde* [Tiada]. Saya tak bekerja *pasal* [sebab] saya terus kerja di *MARDI* [Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia]. _ _ _ Mereka arahkan saya masuk MARDI. *Time* [Masa] itu saya pegawai sementara *je* [sahaja] di jabatan pertanian- *Pastu* [Selepas itu] saya berhenti dan diambil oleh MARDI dan kekal di MARDI sampai saya pencen.

**WNS : Pada umur berapa mula Datuk bekerja di MARDI?**

DSHA : *Dua puluh tiga* [23] kot.

**WNS : Masa itu Datuk *pegang* [mempunyai] *degree* [peringkat ijazah] atau—**

DSHA : *Haa yela* [Iya]. Sarjana Muda Pertanian, *Bachelor of Agriculture Science kat* [di] *UM* [Universiti Malaya].

**WNS : Adakah Datuk ingat tarikh hari pertama Datuk bekerja dulu?**

DSHA : *Dah* [Sudah] agak dah. (ketawa) *Lima belas hari bulan dua tahun tujuh puluh satu* [15 Februari 1971] kot. Kalau tak salah saya. _ _ _

**WNS : Apa faktor yang menyebabkan Datuk berkhidmat untuk MARDI [Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia]? Kenapa Datuk memilih MARDI?**

DSHA : Saya *tak* [tidak] pilih. Semasa saya *dah* [sudah] *habis* [tamat pengajian] tu, saya ambil biasiswa JPA, jadi dalam _ _ _ kalau dah ambil dalam bidang pertanian dari biasiswa kerajaan, kena masuk dalam jabatan pertanian lah. Lepas itu, selepas ditawarkan, saya terima. Kebetulan masa itu, MARDI

baru *je* [sahaja] dibuka dan tengah cari orang. Jadi- ketua pegawai sementara MARDI, dia kenal saya, jadi dia kata "Saharan kau masuk lah *dengan* [dalam] MARDI". *Pasal tu* [sebab itu] saya pilih MARDI. Masa itu, jawatan banyak lagi. *Orang kelulusan* [orang berpelajaran di peringkat tinggi] tak ramai, tak macam sekarang. Saya masuk lah. Kita pun tak pilih sangat. Dia bagi *tujuh ratus lima puluh ringgit* [RM750]. Zaman dulu gaji *enam puluh ringgit* [RM60] pun banyak juga. Nasi lemak *tiga puluh* [30] sen je. [ketawa]—

**WNS : Boleh Datuk *bagitahu* [beritahu] *MARDI* [Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia] ditubuhkan pada tahun berapa?**

DSHA : *MARDI* [Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia] ditubuhkan akta tahun *enam puluh Sembilan* ['69]. Mula beroperasi, saya kira _ _ _ awal *tujuh puluh satu* ['71] dulu MARDI *start* [mula] beroperasi, saya *start* [mula] bekerja, sebab *kita orang* [kami] *office* [pejabat] pun *takde* [tiada] lagi, masa saya masuk MARDI baru *start* [mula]. MARDI sebenarnya sebahagian daripada jabatan pertanian dulu, bila di tubuhkan bahagian penyelidikan rujukan, dia tubuhkan MARDI, dia tubuhkan MARDI,dia lantik *dua, tiga* [2, 3] orang pegawai, *pengarah-pengarah* [bekas pengarah] dulu lah. *Lepastu* [selepas itu] baru dia cari orang- tu yang saya *masuk*

[menyertai MARDI] tu. Masa itu, pejabat dia *satu* [1] rumah buruk sebelah Jabatan Pertahanan di Jalan Mahameru tu. *Office pun takde* [pejabat pun masih tiada].

**WNS : Masa tu berapa orang pekerja MARDI?**

DSHA : Saya ingat campur dengan kerani dengan *tiga* [3] pegawai adalah tak sampai *sepuluh* [10] orang. Mungkin *lima, enam* [5, 6] macam tu *je* [sahaja] lah. Lepas itu kita *start* [mula] ambil orang. Tahun *tujuh puluh satu* ['71] kita dah *start* [mula] ambil orang.

**NII : Datuk pernah bekerja di cawangan MARDI dekat mana?**

DSH : Saya *start* [mula] *tiga* [3] bulan tadi tu di Serdang *under* [dibawah] Jabatan Pertanian, *lepastu* [selepas itu] saya dipindahkan ke Tanjung Karang, pejabat MARDI Tanjung Karang selama *dua* [2] tahun, tahun *tujuh puluh satu* ['71] dan *tujuh puluh dua* ['72]. *Lepastu* [selepas itu] saya cuti belajar *dua* [2] tahun, buat *Master* [peringkat Ijazah] di Belgium. Lepas itu, saya balik itu saya terus kerja di Penang, di Bumbung *lima* [5]. Itu *empat* [4] tahun. Lepas itu saya pergi kerja di Kuala Terengganu, Kuala Terengganu *tiga* [3] tahun setengah ke nak dekat *empat* [4] tahun, lepas itu saya cuti lagi *tiga* [3] tahun, pergi belajar di Universiti London, lepas *tiga* [3]

tahun tu saya balik saya kerja *kat* [di] Pontian, setahun *je* [sahaja] *kat* [di] Pontian, lepas itu pindah dekat ibu pejabat sampai lah saya pencen—

NII : **Dekat ibu pejabat tahun—**

DSH : Tahun *lapan puluh dua* [82] kalau tak salah saya. Boleh tengok kat *CV* (menunjuk resume).

WNS : **Kalau Datuk tak keberatan untuk *bagitahu* [beritahu] berapa gaji akhir yang Datuk terima sebelum Datuk pencen di MARDI?**

DSH : Saya sebenarnya saya *tak* [tidak] kira berapa gaji saya. (ketawa) Betul, kadang-kadang dulu *diorang* [mereka] tersalah potong gaji saya banyak sampai berpuluh ribu. Saya ada satu kawan, dia tanya "Datuk, *apasal* [kenapa] *you* [awak] dapat terima sikit?" kita sama kawankan, gaji sama, pangkat sama, jadi panggil budak kewangan akauntan "Mintak maaf Datuk, *kita orang* [kami] tersalah banyak potong". Bukannya sikit potong. Sampai *empat puluh ribu* [RM40 000], berapa tahun. Dia bayar ke cukai saya *claim* [tuntut] balik. Dapat lah balik. *Pasal* [sebab] saya tak *check* [semak] kan. Saya rasa sudah cukup duit. Makan pun lebih kurang. Saya ingatlah dalam *sembilan ribu* [RM9 000] gaji pokok lah, dengan pencen. Tapi

dengan elaun dan sebagainya mungkinlah dalam *tujuh belas ke lapas belas* [RM17 000 ke RM18 000].

**WNS : Apa tugas yang dipertanggungjawabkan pada Datuk semasa Datuk berkhidmat di MARDI?**

DSH : Bergantung lah di mana saya. Kalau saya semasa di MARDI, sebagai pegawai penyelidik, *menyelidik lah* [buat penyelidikan]. Saya jadi pegawai penyelidik padi. Lepas itu bila saya balik dari Master, dalam padi juga, tapi masa itu saya ambil pertanian, saya ambil dalam bidang kawalan rumput rumpai. Saya buat kajian padi dan kawalan rumput rumpai. Lepas itu saya ke luar *negeri* [Negara], balik *tu* [tu]-kajian rumput rampai lagi, lepas itu saya pergi *PhD* [melanjutkan pelajaran peringkat Doktor Falsafah], itu saya buat rumput rampai masih lagi tapi terlibat dengan menyelidik tanaman lah, macam mana pokok tumbuh, macam mana rumput tumbuh, macam mana nak meningkatkan hasil padi, macam mana nak mengurangkan rumput supaya hasil lebih tinggi. Ini semua kajian-kajian penyelidikan saya keluarkan lebih kurang *seratus* [100] kertas kerja dan banyak laporan-laporan. Boleh tengok dalam *tu* (menunjuk resume). Bila masa sampai— pada masa yang sama bila saya dilantik pengurus/ketua stesen, jaga pentadbiran lah. Jaga orang kerja masuk kerja semua jaga semua lah ponteng kerja ke,

*pastu* [lepas itu] urusan pentadbiran kewangan, bayar gaji, bayar apa semua, urusan pentadbiran, *maintenance* [selenggara], rumah bangunan dan macam macam lagi la sampai la ketua pengarah. Di situ ada tugas-tugas saya. (Menunjuk tugas-tugas yang dilakukan beliau di dalam resume). Merancang sebenarnya bila kita jadi ketua ni, kita kena merancang. Merancang memastikan *orang* [pekerja] buat, menjaga pentadbiran, menjaga duit pejabat, menjaga disiplin kakitangan, menjaga latihan kakitangan, menjaga membuat perancangan bajet setiap tahun, perancangan perlaksanaan, itu memang kerja biasa lah tiap-tiap tahun. Sampailah pencen.

NII : **Mana lagi Datuk suka, buat research ke kerje *admin* [pentadbiran]?**

DSHA : Dia begini, bila kita dah *research* [penyelidikan], memang kita suka *research* [penyelidikan]. Kita buat, kita *tak* [tidak] kacau orang *jaga gaji* [pekerja kewangan]. Kita jaga projek kita *je* [sahaja]. Tapi bila terlibat dengan bidang pentadbiran, kita dah rasa macam bidang penyelidikan tu dah ditinggalkan, jadi masih minat tapi kita *tak* [tidak] boleh lagi, macam kepakaran kita dah kurang. Iye macam kalau dulu kita buat penyelidikan kita tahu kita tanam pokok itu tumbuh macam mana, tapi bila kita dah terlibat dengan pentadbiran, kita [sudah] *tak* [tidak]

tengok pokok tumbuh macam mana apa semua, jadi kita tahu secara am sahaja, secara *detail* [terperinci] kita *tak* [tidak] tahu. Memandangkan kita dah tinggal bidang penyelidikan tu, kita dah pergi ke bidang pentadbiran, kalau dah jadi *boss* [ketua] macam itu lah.

**NII : Tahun berapa Datuk *dah* [sudah terlibat] di bahagian pentadbiran?**

DSHA : Saya mula terlibat- masa saya ingat masa- saya *start* [mula] kerja di Tanjung Karang lagi, saya jadi ketua pengurus stesen, saya *start* [mula] sudah. Tapi masa itu saya buat dua-dua, stesen jaga, menyelidik pun buat. *Pastu* [selepas itu] saya pergi Terengganu pun, stesen saya jaga, projek pun saya buat. Tapi bila sampai saya balik lepas pindah daripada Pontian ke ibu pejabat, yang itu tak terlibat *dah* [sudah] dengan projek penyelidikan, tapi saya masih terlibat aktif dengan pengembangan menyebarkan teknologi maklumat pertanian pada petani dan orang *lain* [ramai].

**NII : *MAHA* [Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia] tu Datuk?**

DSHA : *MAHA* [Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia] tu pameran, tempat mempamerkan teknologi,

mempamerkan kepakaran, mempamerkan maklumat-maklumat berhubung dengan segala aspek pertanian ataupun daripada tanam sampai ke pengembangan hasil lah. Tapi *MAHA* [Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia] sekarang bukan sahaja pada pertanian, tapi termasuk pelancongan pun ada, kan sekarang buat agro pelancongan dan sebagainya untuk menarik orang melawat tempat-tempat kampung termasuk dengan *homestay* [rumah tumpangan] apa semua. Jadi disitu lah semua MAHA itu. MAHA setiap dua tahun sekali buat.

**NII : Pertama kali MAHA di buat?**

DSHA : MAHA? Uih MAHA lama lah sebelum itu dia panggil bukan MAHA. Mungkin tahun 80-an saya tak ingat lah.

**NII : Sebelum nama MAHA ada nama lain ye?**

DSHA : Sebenarnya sebelum itu pun dia buat- dia panggil ekspo pertanian.

**WNS : Apa sumbangan Datuk pada MARDI semasa Datuk berkhidmat?**

DSHA : *Satu* [1] tadi saya buat penyelidik, kita selidik banyak teknologi

macam mana nak kawal rumput, macam mana nak meningkatkan hasil padi, apa jenis padi yang sesuai dan sebagainya. Lepas itu bila dah- jadi bahagian ketua _ _ sumbangan saya banyak kepada pemindahan teknologi saya dah bagi. Macam mana nak buat kuih semua ada dalam saya dah bagi tu, ada dalam belakang sekali (merujuk kepada resume). Kalau *you* [awak] tengok, ini sumbangan-sumbangan saya yang besar lah saya senaraikan ini, (sambil tunjuk pada resume). Macam tempat *MAHA* [Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia] sekarang ini, itu atas usaha saya *jugak* [juga] itu saya dengan Pak Lah [merujuk kepada Perdana Menteri Malaysia ke-5, Abdullah Ahmad Badawi] bincang kita tubuhkan di MARDI. Itu salah *satu* [1]. Kemudian *satu* [1] lagi saya terlibat taman pertanian di Bukit Cherakah Shah Alam, di Taman Botani Shah Alam. Itu saya terlibat *gak* [juga] itu. Saya yang ada dalam *planning* [perancangan] asal.

**NII : Di Taman Botani Putrajaya tak terlibat?**

DSHA : Putrajaya saya tidak terlibat secara langsung, ada tapi *tak* [tidak] terlibat.

**NII : Ada berapa banyak taman botani?**

DSHA : Yang saya terlibat langsung di Shah Alam lah. Dan lain-lain saya sebagai penasihat-penasihat begitu sahaja. Yang saya terlibat betul di Shah Alam dan tapak MAHA sekarang ini itu saya secara langsung dan satu lagi Taman Orked di Kuala Lumpur pun saya terlibat secara langsung, ada dekat sebelah Lake Garden, dalam Lake Garden sebelah memorial Tuanku Abdul Rahman ke Tuanku Abdul Razak saya *tak* [tidak] ingat. Ada taman orked di situ daripada mula daripada kosong saya *start* [mula] kan.

**NII : Datuk lah yang *start* [mula] kan projek disitu?**

DSHA : Saya terlibat lah ramai-ramai tapi saya antara yang terlibat lah.

**NII : Antara projek besar yang Datuk terlibat? Dekat luar Negara ada projek?**

DSHA : Di luar Negara saya terlibat secara langsung pemindahan teknikal program di Malawi, Afrika. *Tiap-tiap* [setiap] tahun saya pergi *pasal* [kerana] kita ada projek pemindahan teknologi dan peningkatan sosial ekonomi orang kampung. *Lima* [5] tahun. Bagi dia orang macam mana nak tanam, macam mana nak tambah pendapatan dan sebagainya

sampai *dia orang* [mereka] maju lah.

NII : **Tahun bila Datuk buat projek itu?**

DSHA : Itu kalau tak salah saya lah- lupa lah- mungkin tahun- saya *tak* [tidak] ingat lah. Boleh tengok dalam resume saya ni. (membelek resume) Saya *tak* [tidak] ingatlah. Mungkin dalam tahun sembilan puluh lima ['95] sampai ataupun sembilan puluh lapan ['98]. *Lima* [5] tahun semua sekali itu. Saya *tak* [tidak] ingatlah, mungkin tahun *sembilan puluh tiga* ['93] ke *lapan puluh tiga* ['83']

NII : **Datuk ulang alik *je* [sahaja] lah pergi kesana?**

DSHA : Setahun dua, tiga [2, 3] kali pergi sana. Saya hantar orang saya duduk di sana. *Lima* [5] tahun dorang duduk di sana. Afrika memang semua orang *tak nak* [tidak mahu] pergi pun. Orang kata susah. Tapi sebab ada projek terpaksa lah pergi. Tak salah, saya tak ingatlah tak jumpa saya cari. Haa daripada *sembilan puluh tujuh* ['97] sampai tahun *dua ribu tiga* [2003].

NII : **Selain itu, selain dari Malawi?**

DSHA : Yang lain tu saya kata sebagai terlibat sama ada projek atau

program tapi tidak secara langsung satunya macam projek kawalan musuh padi. Projek itu di *Philipine* [Filipina]. Tapi saya jadi pengerusi untuk program itu saya ingat berapa lama dalam resume lah ingat *tak* [tidak] ingat lama juga saya ingat *empat, lima* [4, 5] tahun. Kemudian saya dengan wakil Malaysia, *FAO* [Pertubuhan makanan dan pertanian, kawasan yang Negara-negara Asia Pasifik. Jadi lama tu, daripada saya kerja FAO, *Asia Pasific Associations of Agriculture Research Institutes APAARI* [Institut Penyelidikan Pertanian Persatuan Asia Pasifik]. Yang APAARI tadi *sembilan belas Sembilan puluh empat* [1994] sampai *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997], and then technical advisory committee on food & fertilizer technology, [bunyi gegaran telefon] *dua kosong kosong satu* [2001] sampai *dua kosong kosong lima* [2005]. Kendian [kemudian] *APAARI Asia Pasific Associations of Agriculture Research* tahun *dua ribu* [2000] sampai tahun *dua ribu lima* [2005]. Kendian [kemudian]- yang sayur tadi yang *office* [pejabat] dia di Taiwan daripada tahun *lapan puluh empat* ['84] sampai *sembilan puluh lima* ['95]

**WNS : Datuk ada buku yang diterbitkan sendiri?**

DSHA : Saya hanya ada artikel artikel yang saya katakan, buku *so far* [setakat ini] saya tidak ada terlibat, dalam buku-buku penerbitan memang ada terlibat, *pasal* [sebab] saya dulu pun

ahli majlis penerbitan ilmiah Malaysia. Kemudian- beberapa buku terbitan MARDI khususnya berkebun dengan landskap, saya memang minat dengan landskap. *So* [jadi] dia berkait dengan *agriculture* [pertanian]. Kita ada dua, tiga, empat [2, 3, 4] buku itu, antaranya saya yang menerajui buku itu. *Landscape of Malaysia* [Landskap di Malaysia], *Beautiful garden of Malaysia* [Taman Cantik di Malaysia].

**WNS : Apakah faktor Datuk berhenti berkhidmat di MARDI?**

DSHA : Terpaksa, pencen, umur *dah* [sudah] cukup. Saya sebenarnya pencen *dua kosong kosong tiga* [2003], tapi di kontrakkan dua tahun sampai *dua kosong kosong lima* [2005], dah cukup umur *dah tak* [sudah tidak] boleh *dah* [sudah]. Bukan saya berhenti. *Dah* [sudah] sampai *time* [waktu] bersara.

**WNS : Apa jawatan terakhir semasa Datuk bersara?**

DSHA : Ketua pengarah MARDI

**WNS : Posisi awal Datuk semasa mula berkhidmat di MARDI?**

DSHA : [bunyi getaran telefon*]* *Assistant research officer* [Pembantu pegawai penyelidik].

**WNS : Apa pengalaman manis Datuk sepanjang Datuk berkhidmat di MARDI?**

DSHA : Saya nampak daripada MARDI kosong sampai menjadi satu organisasi yang besar, daripada pegawai *tak* [tak] sampai *dua belas* [12] orang sampai kepada *tiga ribu lima ratus* [3500]. Saya ingat sekarang dekat *empat ribu* [4000].

**WNS : Pengalaman pahit Datuk?**

DSHA : — Tengoklah. Daripada MARDI organisasi kecil hingga jadi besar, daripada hanya buat penyelidikkan sikit-sikit, padi, tanaman hingga kepada bidang-bidang *sophitiscated biotechnology* [bioteknologi canggih], *electronic remote sensing* [penderiaan jarak jauh elektronik], *prediction* [ramalan], *forecast* [ramalan] pengeluaran padi kepada pengeluaran makanan *packaging* [pembungkusan] dan sebagainyalah. Daripada bidang yang kecil, saya nampak sampai dan daripada MARDI yang hanya sebagai agensi sampingan jabatan pertanian hingga sekarang sampai jadi satu agensi terpenting dekat Malaysia yang menghasilkan teknologi yang dianggap penting untuk pembangunan pertanian di negara ini, mesti ada teknologi dan antara pertanian, MARDI yang *dia orang* [mereka] harapkan. Dan sekarang ini pula yang saya nampak, selain dari dalam *negeri* [negara] kita dah terkenal di luar *negeri* [negara] di afrika dan

sebagainya. MARDI dah berkembang dari bidang, kakitangan, perbelanjaan daripada berapa juta *sikit-sikit* [hingga] ke beratus juta setahun. Yang pahitnya macam-macam lah. Ada bila MARDI baru ditubuhkan, *dia orang* [mereka] kata *tak* [tidak] perlu la MARDI. Kemudian pada masa yang sama dulu, *dia orang* [mereka] kata universiti pun ada. Kebanyakkan uji yang kita keluarkan pun macam *tak* [tidak] membantu sangat jadi *dia orang* [mereka] kata tutup sahajala MARDI. Kita terpaksa tunjukkan yang memang kita ada buat, kita ada bagi ini kita bagi ini, sampai sekarang dia orang apa-apa buat dia orang akan cari MARDI. Apa yang betul-betul pahit dari MARDI itu kalau tak naik pangkat, pasal saya duduk luar *negeri* [Negara]. Orang bekerja kita belajar. Jadi tak boleh kira lah apa kita punya sumbangan kita *tak* [tidak] bekerja. Seingat saya, kalau nak kira, dalam MARDI. Saya anggap- saya berjaya. Saya antara yang bintang- Daripada pegawai biasa. Saya pun tak sangka sampai ke naik jadi ketua pengarah. Daripada pegawai, jadi ketua stesen sampai ke timbalan pengarah bahagian kemudian naik kepada pengarah bahagian naik kepada timbalan ketua pengarah MARDI dan pada 2000 saya jadi ketua pengarah MARDI, jadi saya daripada bawah sikit-sikit naik ke atas jadi saya kata saya berjaya, *overall* [keseluruhan] *bak* [seperti] kata orang tu, *takde* [tiada] apa yang *tak* [tidak] puas hati dengan MARDI dan saya berhenti pun saya ingat MARDI pun *dah* [sudah]

sampai puncak orang *dah* [sudah] mula kenal jadi bila saya jadi ketua pengarah saya rasa saya dah dapat bawa MARDI *ke satu* [kepada] tahap yang boleh dibanggakan. *Adatlah* [biasa la] kecewa sikit-sikit, *takde* [tiada] lah sampai nak berhenti. Orang nak ambil saya ada, dulu-dulu, macam Universiti Pertanian nak ambil saya, *USM* [Universiti Sains Malaysia] Penang masa arwah Tun minta saya, saya hampir *join* [menyertai] tapi saya *tak* [tidak] *join* [sertai] lah. Kemudian saya hampir *join* [sertai] *company* [syarikat] Nusanto, *pasal* [sebab] saya kan pakar nak bunuh racun rumput- jadi *dia orang* [mereka] tengah cari orang, hampir pergi la. Cuma saya kira saya *tak* [tidak] setuju dengan gaji yang ditawarkan, lepas itu bila cikgu saya jadi rektor, cikgu sekolah Alam Shah saya jadi rektor Universiti Islam Malaysia, UIA dia nak bawa saya, dia kata "datuk *join* [sertai] lah UIA" saya tanya "apa yang saya dapat lebih, gaji saya pun dah tinggi" dia jawab "kita boleh bagi *professor* [professor]" saya cakap "*tak* [tidak] payahlah". Lepas itu saya terus *je* [sahaja] sampai pencen. Saya sebenarnya *tak* [tidak] minat jadi pensyarah. *Tak* [tidak] minat. Banyak *ada* [dapat] tawaran. Sampai sekarang pun ada. Saya tiada masa lah, tapi memang ada tawaran jadi pensyarah sambilan ke *professor* [profesor] penuh *pasal* [sebab] kalau ikut pangkat saya memang saya layak tapi saya *tak* [tidak] pergilah. Saya *tak* [tidak] berapa minat jadi pensyarah. Saya pernah jadi pensyarah sambilan. Dekat *USM*

[Universiiti Sains Malaysia] dengan serdang, UPM. Sekejap lah. Dia bagi elaun dan sebagainya. Tapi saya *tak* [tidak] minat.

**WNS : MARDI pernah jatuh ke Datuk? Pernah mengalami masalah?**

DSHA : Itulah saya kata tadi, pada tahun awal tahun 80-an tu, MARDI macam- ataupun 80-an sampai 90-an tu, kewujudan MARDI tu orang *tak rasa* [tidak tahu], tidak ada apa yang *significance* [kepentingan] yang besar daripada MARDi, sampai ke awal tahun 90-an pun begitu juga. Sampai ada satu masa diarahkan [bunyi getaran telefon] mungkin MARDI ni tak perlulah. Jadi masa itu yang kita rasa agak sedih juga sikit. Tapi lepas itu bila saya *dah* [sudah] jadi ketua pengarah, kita rombak dan buat program baru, alhamdullilah.

NII : **Tahun bila MARDI naik?**

DSHA : Saya ingat tahun *sembilan puluh lima* ['95] ke atas lah kot.

NII : **Projek apa yang menaikkan nama MARDI *masa* [ketika] itu?**

DSHA : Projek tu mungkin satu projek biasa sahaja saya kata tapi

teknologi yang kita hasilkan itu macam padi baru, buah-buahan baru, cara pemprosesan makanan yang lebih, dan masuk bidang bioteknologi, masuk ke bidang apa *ni* [ini] *engineering* [kejuruteraan] sebagainyakan. Dimana kita dapati semua *ni* [ini] sebenarnya, dulu ada tapi kita *tak* [tidak] apa *ni* [ini] sangat, yang kedua, kita buat lebih kepada- pemindahan teknologi, maknanya kita buat kita bawa ke petani, kita bawa ke kilang, kita bawa ke usahawan itu yang orang mula kenal, kalau dulu tu kita *tak* [tidak] berapa sangat. *Kendian* [kemudian], kerajaan pulak dulu dia *tak* [tidak] bagi duit lebih sikit dari segi peruntukkan untuk memindahkan teknologi ini, jadi bila dah bagi baru kita ada duit untuk gerak, dia kata "dulu MARDI kerja *manager* [pengurusan], nak bagi pindah tu bagi dekat jabatan pertanian" pasal dia tugas dia perkembangankan, tapi kita dapati banyak yang kita ni- pasal dia *tak* [tidak] perkembangkan macam yang kita nak, dia buat yang dia punya juga. Pasal kita ada sikit macam- sikit tak persetujuan dengan jabatan pertanian, jadi yang kita hasilkan banyak ini, jabatan pertanian bagi yang ini, [menunjukkan gerakan tangan] jadi petani kata mana yang MARDI punya, jadi kita sekarang kita sendiri yang bagi, yang kita sendiri bagi tu baru MARDI orang kenal, saya ubah daripada segi konsep pengembangan teknologi dan konsep penyebaran teknologi. Kita bagi juga kepada pertanian, tapi kita buat secara bersama dan kita buat sendiri pun ada. Kalau dulu tu, jabatan

pertanian dia buat dia sendiri, apa yang dia rasa dia suka dia sebarkanlah, apa yang dia *tak* [tidak] suka dia *tak* [tidak] sebarlah.

NII : **Tapi Datuk, semasa pengalaman pahit itu, awal-awal MARDI macam susah, *takde* [tiada] lah sampai *tak* [tidak] bagi gaji?**

DSHA : Tak de [tiada], kita sentiasa ada gaji. Cuma kadang-kadang itu lah dulu, pasal MARDI *ni* [ini] kan agensi tertutup, maknanya potensi untuk naik pangkat itu kurang sikitla. Jadi ada lah banyak-banyak kakitangan rendah dan sebagainya itu *tak* [tidak] berapa puas hati *tak* [tidak] naik pangkat walaupun gaji kita ada yang mula-mula tu [itu] tapi bila salah satu tadi yang, kita mula berkembang dan berkerja kuat bila sampai tahun 90-an tu kita dapat kenaikkan pangkat *special* [khas] daripada kerajaan, masa saya lah. Jadi masa saya timbalan ketua pengarah, jadi masa tu kita mula bergerak maju dan budak-budak pun mula bekerja kuat dan sebagainya.

WNS : **[bunyi getaran telefon] Apa prinsip Datuk pegang semasa menjalankan tugas kepada majikan-majikan Datuk atau pada pekerja?**

DSHA : Buat apa yang orang hendak ataupun kita tengok apa yang

orang hendak *kendian* [kemudian] sebarkan apa yang orang hendak mengikut kemampuan dan yang boleh buat dan bimbing *dia orang* [mereka] sampai berjaya. Maknanya kita *tak* [tidak] boleh buat projek penyelidikan ikut kita suka, kita nak buat ikut pelanggan kita suka, pelanggan kita petani lah ataupun usahawan ataupun kerajaan. Jadi maknanya daripada situ kita dapat hubungan rapat dengan jabatan-jabatan lain. Kita dapatkan sampai *dia orang* [mereka] nak MARDI, dan orang _ _ _ nampak bahawa kita buat ni memang untuk *target-target* [sasaran] yang kerajaan pun nak kita bantu. Jadi saya buat itu. Pada saya yang kedua prinsip saya, mana-mana penyelidikan mana-mana aktiviti yang tidak mendatangkan faedah secara langsung tu kita kurangkan atau *stop* [hentikan]. Dan yang ketiga saya jalankan dulu, setengah daripada projek termasuk kakitangan, saya berhentikan terus termasuk kakitangan, saya cadangkan setengah stesen tutup, *pasal* [sebab] dia mengurangkan kos, saya memang *particular* [terperinci] dengan kos, supaya kita jangan terlebih, kita hanya bagi pada yang diutamakan, kita buat apa yang orang hendak dan kita latih kita beri kakitangan yang sesuai untuk menjalankan projek itu. *Takde* [tiada] bagi kerja kau buat *je* [sahaja]. Kau punya bidang *ni* [ini] dan *ni* [ini] kau punya kepakaran jadi kau buat *ni* [ini]. Saya punya prinsip macam itu.

**NII : Jadi ada berapa stesen yang ditutup?**

DSHA : Kita- Dia stesen banyak, kita sekarang *tak* [tidak] tahu berapa. Saya pun dah lupa, tapi yang benar-benar tutup, *tak* [tidak] banyaklah. Tutup stesen *ni* [ini] susah sikit. Kadang-kadang bila kita nak tutup wakil rakyat *dia orang* [mereka] datang jumpa saya "Datuk janganlah tutup stesen kawan saya ada kerja *kat* [di] sini" padahal budak-budak itu makan gaji dekat situ je, bukan kerja, pasal kerja *tak* [tidak] ada *dah* [sudah] dekat tempat situ tapi sekarang banyak yang saya cadang nak tutup tu sekarang dah hidup balik pasal ada politik, dulu yang ini kerja dekat sini, kau pergi sini, kau buat dekat sini, sekarang, kau ada dekat sini, ambil kerja bawa dekat sini. Saya punya polisi lain. Kerja dekat sini kita buat dekat sini. Tapi ada yang setengah saya tengok tu, hari ini kau orang makan baja *free* [percuma] la. Setengah-setengah kita tengok baling batu main guli. Sebab kerja *tak* [tidak] banyak sangat. Buat kerja separuh hari *dah* [sudah] habis. Petang goyang kaki. Itu bukan saya punya prinsip.

**WNS : Beza juga lah pekerja masa zaman Datuk kerja dulu dengan pekerja sekarang?**

DSHA : Saya rasa sekarang ni *dia orang* [mereka] - saya ingat *dia orang* [mereka] *dah* [sudah] ubah sikitlah. *Pasal* [sebab] saya kata tadi, kalau *takde* [tiada] kerja, saya kata, *okay* [baiklah].

Di sini kau kena pindah tempatkan B, A *takde* [tiada], pergi ke tempat B, *dia orang* [mereka] kata "tak boleh lah macam tu Datuk buat" *tak* [tidak] boleh lah macam tu, kalau duduk sini kena bayar gaji, siapa nak bayar gaji, kita terpaksa buat. Yang kedua saya kata, siapa yang buat *tak* [tidak] betul ke apa, okay, saya bagi *option* [pilihan], kalau kau *tak* [tidak] suka kerja dengan MARDI, berhenti. Kalau kau nak kerja dengan MARDI kerja betul-betul, kalau *tak nak* [tidak mahu] kerja, berhenti. Kalau setengah yang buat jahat, buat salah tu, adalah dulu *dia orang* [mereka] marah saya, ramai saya buang. Sampai sekarang ada lagi yang marah saya.

WNS : **Maaflah kalau tanya Datuk, pernah *tak* [tidak] pekerja-pekerja Datuk, terlibat dengan rasuah atau sebagainya?**

DSHA : Yang ini susah nak sebut, susah nak itu- Nak kata *takde* [tiada] saya tak berani kata, nak kata ada, pasal saya pernah didatangi pegawai rasuah, [bunyi getaran telefon] ada orang laporkan ke pejabat rasuah, tapi bila kita minta siapa yang melaporkan, polis *tak* [tidak] bagitahu, yang kedua, ada juga yang kita boleh agaklah, dia tanya balik apa bukti yang saya terlibat, kadang-kadang orang yang buat projek itu- tapi saya *tak* [tidak] boleh bagi, kalau kau *tak* [tidak] boleh bagi, macam mana kita nak buat, jadi dia habis macam itu, Cuma setakat kita bagi amaran *je* [sahaja] lah. Kalau yang terlibat mencuri,

terlibat ponteng lama sangat, yang itu yang kita nampak, kita boleh buang la. Tapi yang macam rasuah ni- payah. Macam dulu ada saya, satu organisasi- duit hilang sampai berjuta, *lapan belas juta* [RM18 000 000] ke *dua puluh juta* [RM20 000 000], jadi kita semua dituduh terlibat termasuk saya, masa itu saya jadi ahli lembaga pengarah, saya kata masa saya jadi lembaga pengarah tidak pernah dibincang, kata "*you* [awak] *check* [semak] lah minit mesyuarat, mana ada masa kelulusan itu apa semua"- masa saya jadi pengarah. Jadi dah lama di *interview* [temubual], dah lama di bicara, setahun saya *tak* [tidak] boleh ke luar *negeri* [negara] dan dia kata, "*okay* [baiklah] Datuk, *you* [awak] memang *tak* [tidak] terlibat" kes itu memang adalah tapi saya memang tidak terlibat. Kes itu akhirnya dapat dibuktikan lah oleh pihak rasuah tapi saya *tak* [tidak] terlibat. _ _ _ Yang kes itu ada. Tapi yang ini macam ini, payah. Saya tanya "siapa" dia kata "semua orang" saya kata "buruh ke?" dia kata "ada" saya tanya "pegawai ke?" dia kata "pegawai ada" habis siapa dia tapi *tak* [tidak] boleh bagitahu. Terpulang kau lah *tak nak* [tidak mahu] bagitahu. Tapi nak kata *takde* [tiada] saya ingat ada, akui daripada apa yang saya dengar, nak kata siapa tu, saya *tak* [tidak] *sure* [pasti] tapi saya *tak* [tidak] boleh kata. Yang kita boleh besarkan cerita, yang ponteng ke dadah ke mencuri ke apa. Yang itu boleh. Pasal dadah kita ada rekod daripada hospital, polis. Yang mencuri yang kena tangkap semua itu kita pun

ada. Curi pokok ada curi kabel eletrik pun ada curi kereta pun ada, curi macam-macam lah.

**WNS : Jadi pekerja yang bermasalah macam itu Datuk buang sahajalah?**

DSHA : Kebanyakkan yang masa saya itu, yang teruk-teruk, kebanyakkan yang kita *dah* [sudah] buang. Kalau ditangkap oleh polis, sehari dalam penjara dia kena buang terus. Kita ada jawatankuasa disiplin. Jadi *takde* [tiada] masalah. Saya pasal jawatankuasa disiplin ni, saya *tak* [tidak] larat dah. Semasa saya di MARDI sebagai ahli lembaga pengarah, semasa saya di *RISDA* [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah], semasa saya di bank, Agro bank dulu, macam macam orang yang bermasalah ini, yang mencuri, ponteng kerja lah, yang dadah lah, macam macam lah.

**WNS : Apa faktor yang menyebabkan Datuk minat dalam pertanian?**

DSHA : Saya katakan tadi, bila satu mungkin pasal latar belakang saya orang kampung kan, tapi bila *dah* [sudah] terlibat dengan pertanian, pegawai pertanian. Memang jadi minatlah. Minat itu muncullah sampai sekarang. Saya memang suka berkebun.

Kalau tanah dekat sini *takde* [tiada] lah. Rumah lama saya dulu adalah. Dekat Sungai Jelok [Kajang]. Saya ingat mungkin sebab pasal latar belakang saya, yang kedua tentang pembelajaran dan latihan yang termasuk, jadi minatlah dalam bidang pertanian

**WNS : Cabaran yang Datuk lalui semasa Datuk berkhidmat di MARDI?**

DHSA : Nak *convince* [yakin] kan, memberi keyakinan kepada semua pihak kerajaan, petani dan usahawan, kerana *dia orang* [mereka] merasa ada setengah-setengah teknologi kita bagi itu bukannya senang untuk dilaksana ataupun bukan senang untuk dipercaya macam itu *sahaja* [sahaja]. Jadi kita terpaksa membuat satu peringkat apa dia panggil, kalau biasa panggil, demonstrasi pertunjukkan macam mana sebenar itu, yang kedua kita nak buat apa nama dia panggil, kita berikan bantuan atau kerjasama untuk melaksanakan bersama dengan dia orang. Maknanya satu kita terpaksa demonstrasi yang kedua kita laksana dengan dia orang, yang ketiga yang cabaran bila dengan usahawan ni, dia mesti tanya sama ada boleh untung ke *tak* [tidak] boleh untung, kadang-kadang tiga empat tahun, lima enam tahun. Macam ada telur LTK itu kan, telur rendah kolestrol, itu pun berapa lama kita buat pendidikan, baru sekarang *company* [syarikat] LTK *company*

[syarikat] Melaka nak ambil alih, itu pun dia nak percaya *tak* [tidak] percaya. Sekarang ini *dah* [sudah] mudah sikit, dalam tahun awal 80-an 90-an, itu cabaran paling besarlah. Orang *tak* [tidak] berapa yakin, *kendian* [kemudian] orang katakan "*you* [awak] bawa mulut *tak* [tidak] apalah, tapi kalau gagal siapa nak bertanggungjawab" *kendian* [kemudian] pergi buat polisi mereka, "*you* [awak] minta banyak-banyak duit, boleh ke petani, boleh ke *dia orang* [mereka] pendapatan mereka macam yang dicakap." *Pasal* [sebab] itu di Malaysia ini kejayaan mengkomersialkan teknlogi [bunyi getaran telefon] *tak* [tidak] sampai pun dulu masa saya dulu enam tujuh peratus je. Tapi sebenarnya di luar *negeri* [negara] pun, paling-paling pun dua belas, lima belas peratus, walaupun cabaran sebelum saya pencen, saya minta *dia orang* [mereka] naikkan sepuluh peratus ke atas, tapi saya ingat *dah* [sudah] dekat dah, dah nak sampai dah. Dia perlu yang kedua, *government* atau kerajaan *adakan* [memberi] sedikit duit, sekarang *dah* [sudah] ada. Kerajaan *dah* [sudah] bagi duit. Dia panggil dana untuk mengkomersialkan teknologi-teknologi pendidikkan termasuk MARDI dan lain-lain lah. Dulu *takde* [tiada], dia *tak* [tidak] bagi. Cakap *je* [sahaja]. Itulah duit untuk bagi gaji, itulah duit untuk buat projek, itulah duit untuk macam-macam. Bila saya buat kempen, jumpa, baru lah dia bagi.

WNS : **Memang susah la nak dapatkan dana?**

DSHA : Dulu dia orang *tak* [tidak] dengar, *dia orang* [mereka] bagi bajet. *Dia orang* [mereka] kata *kau orang* [awak semua] ambillah berapa yang ada. Mana boleh macam itu. *Pasal* [kerana] apa, kalau penyelidikan kita belanja seringgit untuk keluarkan produk A, *kendian* [kemudian] untuk produk A ini diterima oleh usahawan, kau kena belanja mungkin seringgit setengah atau *dua ringgit* [RM2] lagi untuk dia. Dan yang *dua ringgit* [RM2] ni, kadang kalau *tak* [tiada] siapa yang bagi duit, *takde* [tiada]. Kita pun *takde* [tiada] duit. Alhamdullilah sekarang *dah* [sudah] ada.

WNS : **Pada pendapat Datuk, apa pencapaian terbaik yang pernah Datuk lakukan untuk MARDI, yang paling Datuk puas hati?**

DSHA : Kita banyak memenangi hadiah di peringkat antarabangsa. Kalau tengok itu [sambil menunjukkan resume], hadiah pendidikan antarabangsa dengan *gold* [emas] ataupun pameran pendidikan dekat *KL* [Kuala Lumpur], ada dekat situ. Tengok ni (membelek resume) *MARDI and Malaysia have won many International and National Award* [MARDI dan Malaysia sudah memenangi banyak anugerah antarabangsa dan kebangsaan]. *So* [jadi] yang ini, *recognition* [pengiktirafan]. Kita dah pernah menang *award* [anugerah],

kita dan diperkenalkan antaranya ini lah daripada *senior* [pihak atasan], ini saya *list* [senarai] kan, tu tengok , *gold medal award* [anugerah pingat emas], *public service award* [anugerah perkhidmatan awam], *science expo award* [anugerah ekspo sains], *certificate* [sijil] dan apa semua ini, *even* [walaupun] hadiah piala perdana menteri, MARDI dapat 2005. Masa saya je dapat *dua* [2] kali. K*endian* [kemudian] *public service award* [anugerah perhidmatan awam], kendian *Geneva international award* [anugerah antrabangsa Geneva] 2010 dapat medal. Semua itu yang terlibat, yang lagi satu selain pengiktirafan-pengiktirafan ini, saya memang *happy* [gembira] lah sekarang. Kepakaran MARDI sekarang memang diperlukan di mana-mana. *Dia orang* [mereka] cari. Dulu-kalau dulu *dia orang* [mereka] macam *tak* [tiada] ada apalah.

**WNS : Sebagai seorang pengarah masa Datuk bekerja dahulu, Datuk lebih banyak kerja di pejabat atau banyak turun padang?**

DSHA : *Pasal* [sebab] itu saya *tak* [tidak] suka jadi pensyarah. Saya selalu keluar. *Pasal* [sebab] saya nak tengok, pantau pekerja. Saya kadang-kadang dengar budak-budak pejabat kata "Datuk lebih kerap datang daripada pengarah kami, ketua pengarah lagi banyak." Saya memang *tak* [tidak] suka duduk *je* [sahaja]. Dan yang kedua, saya memang selalu, saya

dengar ni, saya pergi tengok. Memang saya *tak* [tidak] duduk pejabat lah.

**WNS : Apa impian Datuk yang masih tak tercapai dalam bidang pertanian ini?**

DSHA : Yang satu yang saya rasa yang belum lagi *tak* [tidak] berapa habis, pencapaian peratusan pengkomersialan teknologi MARDI yang saya dulu berharap, sekurang-kurangnya sepuluh *percent* [peratus] atau empat belas *percent* [peratus] pasal masa saya berhenti tu tujuh *percent* [peratus], tapi sekarang *dah* [sudah] meningkat. Yang kedua yang itu saya kata saya belum mencapai saya kata dulu kalau *tak* [tidak] salah saya, saya nakkan 200 *PhD* [peringkat Doktor Falsafah] dalam MARDI, saya nak kepakaran, kemudian saya tengok mungkin separuh sahaja master, kemudian yang kelulusan biasa ni saya kata saya nakkan mungkin kurang *tiga puluh* [30] orang begitu je. Yang itu saya *tak* [tidak] mencapai.

**NII : Tiada yang membantu mencapaikan ke Datuk?**

DSHA : *Pasal* [sebab] apa- Kita- untuk melatih *PhD* [peringkat Doktor Falsafah] ini untuk *tiga* [3] tahun ke *lima* [5] tahun kurang-kurangnya *tiga ratus ribu* [300 000] kalau hantar ke luar negeri, jadi peruntukkan setahun itu kita hanya boleh hantar

*lima* [5] orang *enam* [6] orang *gitu* [begitu] *je* [sahaja]. Kemudian kejayaan *dia orang* [mereka] balik itu, kadang lambat. Balik dua tahun, kita kata *tiga* [3] tahun dia balik *tiga* [3] tahun setengah pasal *tak* [tidak] siap. Itu yang lambat itu, yang saya *tak* [tidak] mencapai itulah. Peratusan kakitangan yang berkualiti yang *PhD* [peringkat Doktor Falsafah] itu *tak* [tidak] mencapai. Tadi yang satu lagi, peratusan komersial tadi, saya hendak sepuluh *percent* [peratus], kemudian PhD ni sekurang-kurangnya nak 200 pun *tak* [tidak] mencapai. Kemudian satu lagi saya kata mengurangkan kakitangan dan mengurangkan stesen-stesen yang *tak* [tidak] berkesan dan yang *tak* [tidak] berapa berjaya yang saya anggap ada gangguan luar. Taman pertanian *you* [awak] pernah pergi? Yang Cameron Highland saya buat tu, yang agrotek. Yang Langkawi pun, saya buat tu.(ketawa)

**WNS : Selepas bersara dari MARDI, Datuk masih terlibat dengan pertanian ke?**

DSHA : Saya asal dari MARDI. Saya jadi pengerusi *dua tiga* [2, 3] *company* [syarikat] yang terlibat dengan pertanian lah. Kalau tengok ni muka surat pertama, [menunjuk gambar di album] tengok ni. Kalau tengok ini semua pertanian, ini *company* [syarikat]. Ini buat baja-baja racun apa semua kan. Saya buat *report* [laporan] ni masa saya terlibat. Kemudian Agro Bank

saya ahli lembaga pengarah sampai tahun *sudah* [lepas]. Kemudian Amskap ini yang saya terlibat dengan projek pengindahan Putrajaya. Saya terlibat ni. Presint 8 dengan presint 11. Kemudian, Peditech. Keluarkan benih.

**NII : Jadi kalau tengok sini sampai tahun 2012, selepas itu?**

DSHA : Saya berhenti. *Pasal* [sebab], *auntie* [merujuk kepada isteri] *dah* [sudah] sakit *tiga* [3] tahun sudah. Dia *dah* [sudah] *tiga* [3] tahun *tak* [tidak] boleh berjalan. Saya berhenti. Yang ini pun sebenarnya saya nak berhenti, bank tu saya nak berhenti tahun *sudah* [sebelum] lagi. Tahun 2013 lagi, tapi *pasal* [sebab] bank negara minta, saya sambung. *Pasal* [sebab] dia kata orang yang pakar dalam teknologi apa semua tiada. [bunyi gegaran telefon] Jadi dia nak cari. Cuma bila saya dapat cari ganti baru saya berhenti.

**WNS : Sekarangkan Datuk dah bersara-**

DSHA : Sekarang saya bersara sepenuh masa. Tiada *pegang apa* [jawatan] tiada terlibat dengan apa. Tapi yang saya masih terlibat dengan *academic science* [akademi sains]. Saya *fellow academic science* [ahli akademik sains]. Saya dulu pengerusi sektor pertanian di *academic science* [akademi sains]. *Fellow* [ahli] ni hanya *seratus lima puluh* [150] orang

sahaja seluruh Malaysia. Dan saya salah seorang daripada *fellow agriculture* [ahli pertanian] dan pertanian. *Academic science of Malaysia* [akademi sains Malaysia].

**WNS : Sekarang Datuk dah bersara, Datuk hubungi lagi tak rakan-rakan yang masih bekerja?**

DSHA : Kadang-kadang *dia orang* [mereka] hubungi, minta itu minta ini minta nasihat itu. Kadang-kadang saya *comment* [ulas] juga lah. Kadang-kadang itu saya tidak terlibat lah. Tapi ada dia orang nak mintak macam jadi *consultant* [penasihat]. Macam baru ni, tahun *sudah* [sebelum] saya pergi Nigeria. Tolong *dia orang* [mereka] tanam apa, padi setahun ke *dua* [2] kali setahun. Tapi saya *tak* [tidak] boleh, kemudian saya *tak* [tidak] mahu lah. Ada, yang masih saya aktif lagi dekat sini dekat *academic science* [akademi sains]. *Academic science* [akademi sains] pun semalam saya bagitahu *dia orang* [mereka] saya berjumpa Tan Sri apa itu, penasihat Sains Negara, Tan Sri Professor Zakri. Saya kata saya minta maaf la saya *tak* [tidak] boleh buat apa *dah* [sudah] *pasal* [sebab] saya kena jaga *auntie* [merujuk kepada isteri]. Jadi saya berhenti semua sekali.

**WNS : Siapa teman seperjuangan Datuk semasa di Universiti yang menyambung dalam MARDI maknanya bekerja bersama dengan Datuk?**

DSHA : Sekarang? Dulu- Kebanyakkan masa di universiti, *classmate* [rakan sekelas] saya tiada. Dari bukan *classmate* [rakan sekelas] saya adalah. Yang pegawai-pegawai ini pegawai biasa lah. Masa mentadbir ke apa semua itu, *dia orang* [mereka] terus ke luar negeri ke atau tempat lain-lain lah. Tapi dari yang sama belajar *tak* [tidak] ada lah.

**WNS : Siapa yang memberi gelaran Datuk kepada Datuk?**

DSHA : Tengok ni, (sambil menunjukkan potret di dinding sewaktu dianugerahkan gelaran Datuk oleh Sultan). *Tu* [itu] Sultan Pahang [Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Mu'adzam Shah]. Itu yang sana tu Sultan Perak [Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahulah]. Agong mana. Agong tiada gambar sini kot. *Agong Syed Sirajuddin* [DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail]. Saya dapat Datuk daripada Sultan Pahang, Datuk dari Sultan Perak, Datuk dari Agong. *Pasal* [sebab] *you* [awak] tengok sini, ini. PIPGNM, pingat jasa negara. Panglima jasa negara daripada Agong. Kemudian saya dapat Darjah Paduka Mahkota Perak

daripada Sultan Perak. Kemudian daripada Sultan Pahang, Darjah Indera Mahkota Pahang, DIIMP. Kemudian, ini *outstanding contribution* [sumbangan cemerlang] *IRRI* [Institut Penyelidikan Beras Antarabangsa] yang saya kata saya jaga itu. Kemudian saya *outstanding contribution* [sumbangan cemerlang] *SAPPRAD* [Program Asia Selatan untuk penyelidikan dan pembangunan kentang]. Yang south east asia apa itu progam apa semua ini. Dia ada pangkat dia lah. PGM yang paling tinggi, Pahang, Perak kemudian Persekutuan. Ini *fellow academic science* [ahli akademi sains]. Saya tiga Datuk.

**WNS : Masa Datuk diberitahu Datuk akan dianugerahkan Datuk apa Datuk rasa?**

: Tiada apalah. Tapi. *Pasal* [sebab] bila *dah* [sudah] dapat pingat tu, kau tahu bukannya senang. Peminta sedekah ramai. Minta beli meja makan untuk *dinner* [makan malam] tu beli *satu* [1], *satu* [1] meja *empat puluh ribu* [RM40 000]. *Satu* [1] meja *sepuluh* [10] orang duduk makan. Kita mana ada duit. Kita bukan- kita dapat dari kerajaan. Kerajaan mana ada duit. Tapi bila saya kata saya pegawai kerajaan, tiada duit, jadi kita faham lah *dia orang* [mereka] faham la.

**WNS : Sekiranya tak menjadi Pengarah MARDI, apa Datuk rasa Datuk akan bekerja?**

DSHA : Mungkin saya jadi pensyarah kot. Tapi saya *tak* [tidak] minat. Mungkinlah.

**WNS : Apa penambahbaikkan yang perlu dilakukan kepada bidang pertanian atau kepada MARDI sendiri mengikut pendapat Datuk sendiri?**

DSHA : Saya baru mengadakan *conference last year* [persidangan tahun lepas], macam mana nak mengurangkan import makanan, macam mana nak meningkatkan supaya pengeluaran kita mencukupi dan saya nampak kita boleh meningkatkan pengeluaran tapi usahawan kena digunakan sepenuhnya. Kemudian kerajaan perlu mengadakan bantuan bukan maksud duit, memudahkan bagi meningkatkan pengeluaran, satu mempertingkatkan pemindahan teknologi sama-sama tadi, kedua meningkatkan bantuan daripada peruntukkan untuk proses pemindahan pemakaian teknologi tadi, yang ketiga kita mencadangkan mengawal sedikit import makanan yang boleh kita keluarkan dengan harga berpatutan. Ini kita tiada kawalan, masuk jee. Yang haram tu lain cerita lah. Jadi itu yang saya nakkan, yang, teknologi saya rasa banyak tapi pemakaian, penggunaan dan bantuan untuk meningkatkan pengeluaran makanan atau yang berkaitan

perlu diberi keutamaanlah. Itu *last* [terakhir] saya terlibat dalam akademi sains lah. Lepas itu saya kata saya *tak* [tidak] larat lah.

**WNS : Oke. Terima kasih Datuk atas temubual ini, kesudian Datuk untuk ditembual oleh saya dan *partner* [rakan] saya. Terima kasih banyak-banyak.**

## RUJUKAN

*Prolog Ketua Pengarah*, Dimuat Naik Dari

http://www.mardi.gov.my/kata-aluan-ketua pengarah;jsessionid=A87C828CCAF28942501591FD5CC2A414

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Wan Nur Nellysa Wan Md Halim dan Nur Izzamul Izyan menemubual Datuk Dr Haji Saharan bin Haji Anang, yang dilahirkan pada 11hb November 1947 di Parit Buntar,Perak. Temubual ini dijalankan di rumah beliau di Sungai Kantan, Kajang Selangor, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang bekas ketua pengarah MARDI dari tahun 1971 hingga tahun 2005.

**DIARI KAJIAN**

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

| **MASA** | **SUBJEK** | **NAMA/TEMPAT/RUJUKAN** |
|---|---|---|
| 0.00 | Soalan yang ditanyakan mengenai tempat beliau dilahirkan dan dibesarkan. | Parit Tengah, Parit Buntar, Perak |
| 2.15 | Soalan mengenai keluarga dan pekerjaan ibu-bapanya. | Puan Hajah Hamsah binti Halim.<br>Encik Haji Anang bin Said |
| 4.05 | Menerangkan lebih lanjut mengenai latar belakang isterinya. | Datin Raja Puteh binti Raja Bah Tan |
| 4.11 | Menjelaskan kesusahan hidup beliau semasa zaman kecil untuk ke sekolah sehingga dibantu oleh guru beliau. | |

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| 7.47 | Menerangkan lebih lanjut latar belakang pendidikan beliau. | Sekolah Melayu Megat Aris Bagan Tiang Perak<br>Sekolah Alam Shah Kuala Lumpur<br>Methodist Secondary School Parit Buntar<br>Universiti Melaya<br>Belgium<br>London |

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN AWAL PEKERJAAN

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| 15.33 | Soalan yang diajukan mengenai kerjaya awal beliau selapas tamat pengajian. | MARDI (Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia)<br>Tanjung Karang |
| 17.30 | Soalan mengenai tarikh beliau mula bekerja dan dimana beliau ditempatkan sepanjang beliau berkhidmat. | 15hb Februari 1971<br>Serdang<br>Tanjung Karang<br>Penang<br>Kuala Terengganu<br>Pontian |

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| 31.39 | Menerangkan lebih lanjut mengenai sumbangan beliau dalam bidang pertanian sepanjang beliau menceburkan diri dalam bidang pertanian. | Tun Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi<br>Bukit Cherakah Shah Alam<br>Taman Botani Shah Alam<br>Taman Orked Kuala Lumpur<br>Lake Garden<br>Melawi, Afrika<br>Filipina |
| 41.50 | Soalan mengenai kenangan pahit dan manis sepanjang beliau berkhidmat pada MARDI (Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia) | Universiti Sains Malaysia Penang<br>Universiti Islam Malaysia<br>Universiti Putra Malaysia |
| 01.03.20 | Soalan yang ditanyakan mengenai cabaran sewaktu beliau berkhidmat di MARDI. | MARDI ( Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia)<br>Melaka |
| 01.07.53 | Menerangkan lebih lanjut mengenai pencapaian yang paling terbaik pernah beliau lakukan untuk MARDI. | MARDI ( Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia)<br>Kuala Lumpur<br>Langkawi<br>Putrajaya |

| | | |
|---|---|---|
| 01.15.30 | Soalan mengenai aktiviti yang beliau lakukan selepas bersara. | Academic science of Malaysia Tan Sri professor Zakri, (Penasihat Sains Negara) |
| 01.18.40 | Keterangan lanjut mengenai anugerah Datuk yang diberikan kepada beliau. | Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.<br>Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Sultan Pahang<br>Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahulah ,Sultan Perak<br>Pahang<br>Perak |

DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 9.00pg | 7 April 2015 | Panggilan Telefon<br><br>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah bertujuan untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemubual. | Catatan dilakukan untuk tindakan seterusnya |
| 10.00 pg | 13 April 2015 | Panggilan telefon dan memberi surat untuk ditemubual kepada tokoh melalui e-mail.<br><br>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua untuk menanyakan alamat e-mail beliau. Menetapkan masa dan tempat untuk berjumpa. | Memberi tarikh yang sesuai untuk ditemubual |
| 9.45 pg | 1 Mei 2015 | Sedia untuk sesi temubual. | |
| 9.00 pg | 24 Mei 2015 | Menghantar transkrib kepada pensyarah | |

Senarai soalan

**Pengenalan awal latarbelakang**

1. Apakah nama penuh Datuk?
2. Berapakah usia Datuk sekarang?
3. Bilakah tarikh lahir Datuk?
4. Dimanakah Datuk dilahirkan?
5. Dimanakah Datuk dibesarkan?
6. Apakah hobi Datuk?
7. Apakah cita-cita Datuk semasa kecil?
8. Apakah nama ibu Datuk?
9. Apakah nama bapa Datuk?
10. Apakah pekerjaan ibu Datuk?
11. Apakah pekerjaan bapa Datuk?
12. Ibu bapa Datuk berasal dari mana?
13. Adakah ibu bapa Datuk masih hidup?
14. Dimanakah ibu bapa Datuk menetap sekarang?
15. Berapakah bilangan adik-beradik Datuk?
16. Datuk anak yang ke berapa?
17. Adakah dikalangan adik-beradik Datuk menceburi bidang yang sama dengan Datuk?
18. Apakah pekerjaan adik-beradik Datuk?
19. Apakah nama isteri Datuk?
20. Isteri Datuk berasal dari mana?
21. Berapa umur isteri Datuk?
22. Apakah pekerjaan isteri Datuk?

23. Berapakah bilangan anak Datuk?
24. Adakah semua anak-anak Datuk sudah berkahwin?
25. Adakah dikalangan anak-anak Datuk menceburi bidang yang sama dengan Datuk?
26. Bagaimanakah Datuk membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya?
27. Apakah aktiviti yang dilakukan jika Datuk mempunyai masa terluang?
28. Adakah Datuk seorang bapa yang tegas kepada anak-anak Datuk?
29. Adakah Datuk dari keluarga yang senang?
30. Apakah kesusahan dan cabaran hidup yang Datuk lalui sebelum sampai ke tahap sekarang ini?

**Sejarah pendidikan**

31. Dimanakah Datuk bersekolah rendah?
32. Dimanakah Datuk bersekolah menengah?
33. Apakah pencapaian tertinggi Datuk (terbaik) yang pernah Datuk perolehi semasa di peringkat sekolah?
34. Dimanakah Datuk menyambung pengajian setelah tamat sekolah menengah?
35. Adakah Datuk aktif dalam bidang sukan semasa di pengajian?
36. Apakah subjek kegemaran Datuk semasa di pengajian?
37. Apakah pencapaian tertinggi Datuk (terbaik) yang pernah Datuk perolehi semasa di peringkat universiti?

38. Apakah rahsia kejayaan Datuk dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap yang membanggakan?
39. Semasa Datuk melanjutkan pelajaran di pengajian tinggi adakah Datuk menerima tajaan dari mana-mana pihak?
40. Siapakah pihak tersebut?
41. Sekiranya Datuk tidak menerima tajaan, bagaimana Datuk menampung perbelanjaan dan pelajaran semasa belajar?
42. Adakah Datuk pernah bekerja sambil belajar?
43. Bagaimanakah Datuk membawa diri di luar Negara?
44. Ketika melanjutkan pelajaran diluar Negara, adakah Datuk kerap pulang ke Malaysia atau hanya ketika waktu perayaan sahaja?
45. Pada pendapat Datuk, situasi pembelajaran di luar Negara dan di dalam Negara adalah sama?
46. Setelah tamat pengajian, adakah Datuk terus mula bekerja atau menggangur?

**Pengalaman awal pekerjaan**

47. Apakah pekerjaan awal Datuk setelah tamat pengajian?
48. Berapakah gaji pertama yang Datuk pernah terima?
49. Berapa lamakah tempoh Datuk berkerja disitu?
50. Sebelum Datuk mendapat pekerjaan tetap, adakah Datuk pernah berkerja secara separuh masa?
51. Adakah Datuk pernah berkhidmat di luar Negara?
52. Jika pernah, apakah jawatan yang disandang oleh Datuk?
53. Apakah pekerjaan Datuk sebelum Datuk berkhidmat di MARDI?
54. Apakah jawatan Datuk semasa Datuk berkhidmat di syarikat itu?

55. Dimanakah tempat pekerjaan Datuk?

**Pengalaman pekerjaan di MARDI**

56. Pada umur berapakah Datuk mula bekerja di MARDI?
57. Adakah Datuk ingat tarikh hari pertama Datuk mula bekerja di MARDI?
58. Apakah faktor yang menyebabkan Datuk berkhidmat di MARDI?
59. Jika tidak keberatan, boleh Datuk senaraikan jawatan Datuk semasa berkhidmat di MARDI?
60. Sekiranya Datuk tidak keberatan, boleh Datuk kongsikan berapakah gaji yang diterima oleh Datuk semasa berkhidmat di MARDI?
61. Apakah tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Datuk semasa berkhidmat di MARDI?
62. Apakah sumbangan Datuk sepanjang tempoh Datuk berkhidmat di MARDI?
63. Berapa lamakah tempoh masa perkhidmatan Datuk di MARDI?
64. Apakah faktor yang menyebabkan Datuk berhenti berkhidmat di MARDI?
65. Apakah jawatan terkahir yang Datuk sandang semasa tamat berkhidmat di MARDI?
66. Apakah posisi awal yang dilantik kepada Datuk semasa berkhidmat di MARDI?
67. Bagaimana Datuk mula menyandang jawatan yang lebih tinggi di MARDI?

68. Apakah pengalaman manis Datuk sepanjang berkhidmat di MARDI?
69. Apakah pengalaman pahit Datuk sepanjang berkhidmat di MARDI?
70. Apakah prinsip yang Datuk pegang dalam melaksanakan tugas dengan baik sebagai majikan kepada pekerja-pekerja di bawah Datuk?
71. Apakah yang akan Datuk lakukan sekiranya terdapat majikan yang mempunyai masalah dengan melaksanakan tugas yang diberi?
72. Apakah faktor yang menyebabkan Datuk berminat dalam bidang pertanian?
73. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Datuk sewaktu berkhidmat di MARDI?
74. Semasa berkhidmat, pastinya ada tekanan pada permulaanya terutama sekali tekanan bebanan kerja, jadi, bagaimana Datuk menguruskan atau menyelesaikan tekanan tersebut?
75. Bagi pendapat Datuk, Apakah pencapaian yang terbaik pernah Datuk lakukan kepada MARDI?
76. Adakah Datuk berpuas hati dengan pencapaian Datuk selama berkhidmat di MARDI?
77. Apakah impian Datuk yang masih tidak tercapai terutama sekali dalam bidang pertanian?
78. Adakah Datuk pernah terlibat dalam projek mega yang dilakukan oleh MARDI?
79. Projek apakah yang Datuk pernah terlibat?

80. Sebagai seorang pengarah, Datuk lebih banyak bekerja di dalam pejabat atau di luar pejabat?
81. Siapakah idola Datuk dalam bidang pertanian?
82. Bagaimanakah hubungan Datuk dengan pekerja-pekerja lain?
83. Adakah Datuk memandu sendiri ke tempat kerja Datuk?
84. Selepas bersara dari MARDI, adakah Datuk masih melibatkan diri dalam bidang pertanian?
85. Sekiranya ya, apakah aktiviti yang Datuk terlibat?
86. Apakah pekerjaan Datuk yang seterusnya selepas bersara di MARDI?
87. Walaupun Datuk telah bersara dari MARDI, apakah harapan Datuk kepada MARDI?
88. Walaupun telah bersara, adakah Datuk masih lagi berhubung dengan rakan-rakan di MARDI atau MARDI sendiri?
89. Siapakah teman seperjuangan Datuk di universiti yang turut berkhidmat di MARDI atau berkhidmat di dalam bidang pertanian?
90. Siapakah yang memberi gelaran "Datuk" kepada Datuk?
91. Apakah penganugerahan lain yang Datuk terima?
92. Bilakah Datuk dianugerahkan pangkat gelaran "Datuk"?
93. Apakah perasaan Datuk semasa menerima anugerah tersebut?
94. Pada pendapat Datuk, apakah sumbangan atau faktor yang melayakkan Datuk dianugerahi pangkat tersebut?
95. Dimanakah Datuk menerima anugerah tersebut?
96. Siapakah teman seperjuangan Datuk di universiti yang masih rapat sehingga kini?

97. Sekiranya tidak menjadi Pengarah MARDI, apakah pekerjaan Datuk?

98. Sekiranya tidak menceburkan diri di dalam bidang pertanian daripada awal, apakah yang Datuk lakukan?

99. Adakah Datuk mengalakkan ahli keluarga Datuk menceburkan diri dalam bidang pertanian?

100. Sekiranya ya, siapakah di kalangan ahli keluarga Datuk yang turut menceburkan diri dalam bidang pertanian?

101. Seperti yang sedia maklum, Datuk cukup berpengalaman di dalam bidang pertanian, adakah Datuk gemar bertani terutama sekali pada masa yang terluang?

102. Pada pendapat Datuk pada masa kini, sejauh manakah sumbangan MARDI terhadap bidang pertanian di Malaysia?

103. Apakah penambahbaikkan yang perlu dilakukan kepada bidang pertanian di Malaysia atau pada MARDI sendiri?

# SURAT PERJANJIAN

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan..DATUK DR. JAHARAN BIN HAJI ANANG............
Pada.....2 MAY 2015...

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -
   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ...................... oleh kedua pihak yang berkenaan.

[redacted]
..........................

Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

# Gambar



**Figura 1 Bersama Tokoh, Datuk Dr Haji Saharan bin Haji Anang yang Kami temubual**

CV update as at 16th April 2013

# CURRICULUM VITAE



| | | |
|---|---|---|
| 1. Name | : | **DATUK DR. SAHARAN HAJI ANANG** *PJN, DIMP, DPMP, JMN, KMN, FASc* |
| 2. Date of Birth | : | 11th November 1947 |
| 3. Nationality | : | Malaysian |
| 4. Address | : | No. 60 Lot 39451<br>Jalan Melati 3<br>Sungai Kantan (Peringkat 2)<br>43000 Kajang<br>Selangor Darul Ehsan<br><br>Tel No: 03-8741 1255 (House)<br>Mobile: 017-3456701<br>Email address: datuksaharan@yahoo.com |
| 5. Qualifications | | |
| 5.1 Academic | : | B. Agric. Sc. 1971 (University of Malaya)<br>M. Sc. 1974 (State Agric. Univ. Ghent, Belgium)<br>Ph.D. 1981 (University London, England) |
| 5.2 Professional | : | Sijil Tahsin Al-Quran, UKM (Oct. 2002)<br>Sijil Pengajian Usuluddin, UM (June 2007) |
| 6. Specialisation | : | Agriculture/Weed Science |
| 7. Appointments | | |
| 7.1 Current Appointments | : | 1. Board Member, Chemical Company Malaysia Berhad (Jan 2009-Oct 2010)<br>2. Board Member, Chemical Company Malaysia Fertilizer Berhad (Jan 2009-Oct 2010)<br>3. Board Member, AgroBank Malaysia (since 2008 until ~~current~~ 2014 date)<br>4. Board Member, Bank Pertanian Malaysia (2006-2008)<br>5. Chairman, Mscape Management Sdn. Bhd. (2007-2012)<br>6. Chairman, Paddytech Resources Sdn. Bhd. (2007-2012) |

7. Chairman, Residence Committee of Sungai Kantan 2 (2007-2012)

8. Board Member, Marditech Corp. Sdn. Bhd. (2000-2012)

9. Chairman, ASM Committee on Agriculture (2011-2013)

**7.2 Past Appointments** :

1. Director General MARDI (Contract: 12 Nov. 2003-11 Nov. 2005)
2. Director General MARDI (1 March 2000-11 Nov. 2003)
3. Deputy Director General MARDI (Research) (Jan. 1994-Feb. 2000)
4. Research Officer and Various divisions Heads, MARDI (1971-1994)

**8. Experiences**

**8.1 National** :

: Member of ASM Science and Technology Policy Advisory Council (since 2011)

: Member of 'Biro Pertanian UMNO Malaysia' (2004 -2006)

: Member of 'Jawatankuasa Kecil Teknologi Maklumat (JKKTM)', Persatuan Badan Berkanun Malaysia (2004 -2006)

: Board Member of FAMA (15/10/2004 – 14/10/2006)

: Member of Technical Resource Group (TRG) on Sectoral Development for the Third Industrial Master Plan IMP3 (2004)

: Member of Technical Resource Group (TRG) on SME Development of MITI (2004)

: Facilitator 'Panel Penasihat bagi Pembangunan Sektor Pertanian Negara' (2004)

: Panel Member of 'Anugerah Juruteknologi Negara 2003 (2004)

: Member of Steering Committee 'Review of LGM's R&D Activities (2004)

: Member, Livestock Development Advisory Council MOA (2000-2005)

: Member of Advisory Committee Faculty of Agriculture, UPM (2003)

: Panel Member for 'Anugerah Sains 2002' (2003)

: Member, National Council for Scientific Research and Development (MPKSN) (March 2002-2005)

: Fellow of the Academy of Sciences Malaysia (FASc) (since 2001)

: Member of MARDI Governing Board (March 2000 - November 2005)

: Chairman of MARDI Scientific Council (March 2000 - November 2005)

: Member, Malaysia Cocoa Board (March 2000-2004)

: Member, Pesticides Board of Malaysia (March 2000-November 2005)

: Member, Board of Director, Rubber Smallholder Industry Development Authority (RISDA) (March 2000-2004)

: Board of Director, Malaysian Herbal Corporation Sdn Bhd (2001-2005)

: Member, Fisheries Development Advisory Council MOA (2001-2005)

: Member, Panel Strategic IRPA Sector Agro-industry (2001-2005)

: Academy of Sciences Malaysia (ASM), Working Committee on Agriculture (2000/2001)

: Member of the Modern Agriculture Project, Ministry of Agriculture (1998-2005)

: Chairman, Disciplinary Committee of MARDI (1998-1999)

: Member, Committee on Guidelines for National Landscaping (Ministry of Housing and Local Authority) (1995)

: Member, Technical Committee on Development of Guidelines for Village Level Landscaping (Ministry of Rural Development) (1995)

: Member, Committee on RISDA Production of Planting Materials, Scheme 1956 and Scheme 1959 (1994-2003)

: Member, Board of Directors, Syarikat Lembayung Sdn. Bhd. (High Tech. Vegetable Production) (1994-1995)

: Member, Committee on Agrotourism Project of Malaysia (MOA) (1994-2000)

: Chairman, Organizing Committee, 8th ASEAN Orchid Congress & Exhibition (1988)

: Member, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) (2002-2005)

: Chairman, Task Force - Grain Maize Commercial Research Project, Ladang Lambor Perak (Ministry of Agriculture) (1988-1990)

: Chairman, MARDI Component, Malaysian Agriculture Park Committee (1987-2005)

: Chairman, Weed Science Research Committee, MARDI (1987-1990)

: Member, Committee on Marine Park Development of Malaysia (1987-1990)

: Member, Committee on Shah Alam Agriculture Park Development (1987-2005)

: Member, National Committee on Cocoa Industry Development (Ministry of Agriculture) (1986-1987)

| | | |
|---|---|---|
| | : | Alternate Chairman, Committee on Floriculture Industry Development (Ministry of Agriculture) (1986-1990) |
| | : | Chairman, Committee on Development Programme and Strategies for the Miscellaneous Crops Industry until the Year 2000, (Ministry of Agriculture) (1985) |
| | : | Member, Committee on Orchid Garden Development Project, Kuala Lumpur (1984-1989) |
| | : | Member, Steering Committee of IADP (Integrated Agriculture Development Project) PBLS, Johor Barat, Kerian Sg. Manik, Pahang Barat, Rompin-Endau, Balik Pulau, Seberang Perai and Terengganu Hilir (1982-1986) |
| | : | Chairman, Cocoa Rehabilitation Pilot Project, Peninsular Malaysia (Ministry of Agriculture) (1982-1986) |
| 8.2 International | : | Member, Technical Advisory Committee of Food & Fertilizer Technology Center, Taiwan (May 2001-2005) |
| | : | Malaysian Delegate to 1st Session of FAO Sub-Group on Banana and on Tropical Fruits (TFNet), Australia (May 1999) |
| | : | Malaysian Delegate to 1st Session of FAO Sub-Group on Tropical Fruits (TFNet), Thailand (May 1998) |
| | : | Regional Representative, Asia Pacific Region for FAO to CGIAR (1994-1998) |
| | : | Chairman, Steering Committee, IRRI/IPM Network (1994-1997) |
| | : | National Coordinator, Asian Cereals and Legumes Improvement Network (CLAN) (1993-1995) |
| | : | Chairman/Organizer COGENT, IRRI & IFAD Project Meeting, Kuala Lumpur (October/November 1998) |
| | : | Malaysian Representative Asia Pacific Associations of Agriculture Research Institutes (APAARI) (2000-2005) |
| | : | Country Coordinator, Project FAO/UNDP/RAS/89/040 (Cereals and Grain Crops Improvement) (1990-1992) |
| | : | Country Representative and Project Leader, Southeast Asia Programme for Potato Research & Development (SAPPRAD) (1988-1995) |
| | : | Country Representative, FAO Consultation on Vegetables for Asia-Pacific Region (FAO RAPA, Bangkok) (1986 and 1988) |
| | : | Country Representative and Coordinator, Asian Vegetable Research and Development Center (AVRDC), Taiwan and Asia Vegetable Research Program (AVNET) (1984-1995) |
| | : | Project Leader, Malaysia–Malawi Technical Cooperation Program, EPU, (MTCP) (1997-2003) |

**9. Courses/ Consultations** :

Study leave M.Sc. Course (Agriculture Development), State Agriculture University, Ghent, Belgium (Sept. 1972-June 1974)

: Study leave Ph.D. (Weed Science) Wye College, Ashford, University of London, England (March 1978-April 1981)

: Seminar Corporate Planning and Management, organised by EDC/MARDI Port Dickson (26-28 March 1983)

: Research Management Course, organised by MARDI-MIM, Genting Highlands (5-14 February 1985)

: FAO Expert Consultation on Improved Vegetable Production for the Asia Pacific Region. FAO Office, Bangkok, Thailand (16-20 September 1986)

: 9th. Session of the FAO Regional Commission of Farm Management for Asia and the Far East, Kuala Lumpur (28-31 October 1986)

: Regional Expert Consultation of Asean Network on Tropical Vegetables, FAO Office, Bangkok, Thailand (22-25 March 1988)

: Seminar on Getting Things Done. Career Track, Kuala Lumpur (25 May 1988)

: 'Strategic Management in Global Market' Course at the Arthur D. Little Management Education Institute Inc. Cambridge, Massachusetts, U.S.A. (2-20 November 1992)

: Workshops: Sistem Perakaunan Mikro (SPM) and Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Melaka 2-8 October 1994, organised by MARDI/INTAN/Akauntan Negara.

: Seminar Advanced Management System, organised by INTAN (16-17 June 1994)

: Course: Kewangan Untuk Ahli-ahli Lembaga Pengarah Kementerian Pertanian Malaysia, Genting Highland, Pahang (21-23 April 1994)

: Seminar on Art of Quality Mind Retention for Executives organised by MARDI, Serdang (4 May 1995)

: CEO Forum on Return to Growth - How CEOs Can Drive R&D to Increase Shareholder Value, organised by PA Consulting Group, Kuala Lumpur (16 November 1995)

: Workshop on Modified Budgeting System, organised by Kementerian Pertanian, Kuala Lumpur (25-27 June 1995)

: International Consultation on Tropical Fruits, organised by Kerajaan Malaysia and FAO in Kuala Lumpur (15-19 July 1996)

: Business Plan Workshop-Technology/Project Assessment & Valuing Intellectual Property, organised by MARDI-AVS, in MARDI, Serdang (6-10 October 1997)

: Business Plan Workshop-Project Proposal and Costing. Organised by MARDI-AVS, in MARDI Serdang (1-5 December 1997)

: Workshop-Financial Management and Intellectual Property Management, organised by MARDI in MARDI Serdang (3-7 November 1997)

: 1st Session IGG Sub-Group on Banana and on Tropical Fruits, Gold Coast, Australia (4-8 May 1999)

: International Advisory Panel Dialog on Herbal Industry in Malaysia, Kota Bharu, Kelantan (1-2 November 1999)

: "ROC Corporate Directors Training Programme" Course, Petaling Jaya (18-19 March 2002)

: Attended Yayasan Tun Razak Forum: New Challenges Facing Rural Development and Poverty Eradication, Menara Yayasan Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur (29 March 2005)

: Attended: International Advisory Panel Meeting on Development of Malaysian Biotechnology, San Francisco, USA (PM's delegation) (17-20 September 2005)

: Corporate Directors Training Program (CDTP) by Companies Commission of Malaysia (CCM) at Putra Place, Kuala Lumpur (20-21 November 2007)

: Study Visit: Agriculture Bank of IRAN (Sedarat Bank) and TURKEY (Ziraat Bank) organized by Bank Pertanian Malaysia (5-11 January 2008)

: Prospecting Visit to Melbourne, Sydney and Brisbane, Australia on ARB Livestock Project organized by Marditech Corp. Sdn. Bhd. (15-21 June 2008)

: Attended Talk on Managing Risks in Mortgage Financing organized by Bank Negara Malaysia and Cagamas Berhad at Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur (13 January 2010)

: Attended: MICG Annual Directors Duties and Governance Conference on "Towards Boardroom Excellence and Corporate Governance Best Practice" organized by MICG and FPLC, Kuala Lumpur (13-14 January 2010)

: Attended course: Antimoney Laundering & Common Financing of Terrorism (AMLA) organized by Agrobank and VJ Success Solution, Agrobank Kuala Lumpur (14 January 2010)

| | | |
|---|---|---|
| | : | Attended course: FIDE Programme by Iclif, Module A (19-22 March 2012) & Module B (29 Oct-1 Nov 2012), organized by Bank Negara Malaysia (BNM) |
| | : | Attended: Islamic Finance Training for Board of Directors of Agrobank by CERT (26 November 2012) |
| 10. Publications | : | Wrote and published more than 90 papers in journals/newsletters/reports, as well as presented papers at various conferences/seminars/ workshops over the period from 1974-2005 |
| 11. Conferences/ Visits/ Workshops | : | Attended more than 200 conferences/seminars/workshops/ courses, locally and internationally, and participated in various study visits to international research organizations or centers as member of the delegation of the Ministry of Agriculture and country delegations with the Prime Minister (Between 1974-2005) |
| 12. Extra Mural Activities | : | Alumni Agriculture Graduate Association University of Malaya -UMAGA (Member) (since 1971) |
| | : | Alumni exstudent, Sekolah Alam Shah SAS (Member) (since 1967) |
| | : | Selangor and Wilayah Persekutuan Orchid Society (Member) (since 1990) |
| | : | Malaysian Society of Horticultural Science (MSHS), (President) (1993-1994, 1998-1999, 2001-2002, 2003-2004,2005-2006,2007-2008) |
| | : | Garden Society of Federal Territory and Selangor (Member) (since 1995) |
| | : | Malaysian Association of Research Scientists (MARS) (Member) (since 2000) |
| | : | Advisor to Yayasan KEKAM MARDI (2002-2005) |
| | : | Vice President, Agriculture Institute of Malaysia (AIM), 2000-2002, 2002-2004 & Acting President AIM since October 2004, President AIM (2005-2007) |
| 13. Hobbies | : | Gardening, Landscaping and Agro-Tourism and Cooking |
| 14. Achievements & Contributions | : | 1. Establishment and Development of:-<br>a) Malaysia Agricultural Park Shah Alam, Selangor;<br>b) Kuala Lumpur Orchid Garden;<br>c) Cocoa Rehabilitation Programme of Peninsular Malaysia; and<br>d) Marine Park of Malaysia.<br><br>2. Establishment of networking/cooperation Malaysia with International organisations and/or countries such as FAO (Agriculture), CGIAR and APAARI (Agriculture R&D), AVNET (Vegetables), IRRI (Rice), SAPPRAD (Sweet Potato), Malawi (Technical Cooperation), TFNet (Tropical Fruits) and Bilateral Programme(Thailand,Indonesia,Holland and Singapore).<br><br>3. MARDI and Malaysia has won many National and International Awards and recognition as follows:- |

a) Certificate MS ISO 9000 :1994 & 2000;
b) MPKSN Award 2002;
c) Malaysia I-TEX 2003 Award (11 medals);
d) Geneva Invention Award 2003 (2 awards);
e) Science Expo 2003 Innovation Award (28 awards);
f) Public Service Innovation Award 2004 (3 awards);
g) Gold Medal in Malaysian International Landscape & Garden Festival 2004;
h) Malaysia I-TEX 2004 (20 medals);
i) Geneva Invention Award 2004 (4 awards);
j) Malaysia Laboratory Accreditation Scheme MS ISO/IEC 17025 in 2004;
k) Public Service Innovation Award 2004 (2 awards);
l) Geneva Innovation Award 2005 (10 medals); and
m) Prime Minister Quality Award 2005.

4. Dessimination and adoption of various MARDI technologies which included among others new rice varieties MRQ50, MR219, MR220, MR74, Pineapple Variety Josephine, Ciku Mega, Papaya Eksotika, Export Frozen Durian, Sea export of cut flowers and various fish products, Hydrophonic technology and Incubator Technology System (eg food and feed); and

5. Development of policies such as National S & T Policy, National Agriculture Policy and National Landscape Guidelines.

| | | |
|---|---|---|
| 15. Awards & Recognitions | : | Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) - 2003 |
| | : | Panglima Jasa Negara (PJN) - 2002 |
| | : | Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) - 2002 |
| | : | Johan Setia Mahkota (JSM) - 1997 |
| | : | Kesatria Mangku Negara (KMN) - 1994 |
| | : | Outstanding Contribution to IRRI/IPMNet as Steering Committee Chairman - 1997 |
| | : | Outstanding Contribution to SAPPRAD as Country Representative - 1995 |
| 16. References | : | (a) Y. Bhg. Tan Sri Abi Musa Ashaari Bin Mohamad Nor<br>Pengerusi Lembaga Tabung Haji<br>Tel No. : 012-207 2617 |
| | | (b) Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Noor Bin Ismail<br>Pengerusi Marditech Corporation Sdn. Bhd.<br>Tel No. : 019-338 7374 |
| | | (c) Y. Bhg. Tan Sri Dato' Abu Zahar Bin Dato' Nika Ujang<br>No. 26 Jalan Setia Murni 6<br>Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur<br>Tel No : 019-310 5075 |

# INDEKS

# INDEKS


## A

Agro, 27, 29, 46, 53
aktif, 12, 27, 55, 69
anugerah, 49, 65, 73
artikel, 33

## B

Belgium, 13, 14, 23, 62
bidang, 6, 8, 12, 13, 20, 24, 26, 35, 39, 41, 46, 51, 58, 63, 68, 69, 72, 73, 74
bioteknologi, 35, 39
buku, 33

## C

cita-cita, 4, 67

## E

elaun, 15, 24, 36

## G

gaji, 14, 16, 20, 23, 24, 26, 36, 40, 42, 43, 48, 70

## I

import, 58

## K

Ketua, 34

## L

landskap, 33

## M

MAHA, 27, 28, 29, 30
Malaysia, 14, 15, 17, 19, 20, 21, 27, 29, 32, 33, 35, 48, 49, 54, 63, 64, 69, 74
MARDI, 2, 14, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 29, 33, 34, 35, 38, 39, 40, 41, 43, 46, 47, 48, 49, 51, 53, 55, 57, 58, 61, 63, 64, 70, 71, 72, 73, 74
Master, 13, 18, 23, 24

musim, 9

# P

padi, 5, 6, 9, 18, 24, 29, 32, 35, 39, 55
pangkat, 24, 36, 40, 56, 73
pegawai, 17, 19, 20, 21, 22, 24, 34, 36, 44, 46, 55, 57
pemindahan, 29, 31, 39, 58
Penang, 23, 36, 63, 64
penasihat, 30, 55
pencen, 19, 23, 24, 34, 36, 48
pengarah, 21, 24, 34, 36, 38, 40, 45, 46, 51, 53, 61, 72
pensyarah, 36, 51, 58
penyelidik, 17, 24, 29, 34
permulaan, 2
pertanian, 4, 6, 13, 17, 19, 20, 21, 24, 27, 28, 29, 32, 33, 35, 39, 46, 51, 52, 53, 54, 58, 63, 72, 73, 74
PhD, 15, 24, 51, 52
projek, 18, 26, 27, 30, 31, 32, 39, 41, 44, 48, 53, 72

# R

resume, 11, 17, 23, 24, 29, 31, 32, 49, 77

# S

sekolah, 4, 6, 9, 11, 12, 18, 36, 62, 69
stesen, 24, 27, 36, 41, 42, 52

# T

teknologi, 27, 29, 31, 35, 39, 47, 48, 51, 53, 58
temubual, 2, 45, 59, 66

# U

universiti, 13, 14, 36, 55, 69, 73
Universiti Melaya, 12, 62